


**Jilid I
Bil. 6**



**Hari Isain
16hb Oktober, 1978**

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 409]**

USUL-USUL:

Mengemukakan Rang Undang-undang Ahli Persendirian:

Akta Perwakilan Rakyat 1978 [Ruangan 437]

**Ucapan Terima Kasih kepada D.Y.M.M. Seri Paduka Baginda Yang
di-Pertuan Agong [Ruangan 442]**

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO' HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJI BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulai).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Perhubungan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL Samad (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjong Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).
- „ TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).

Yang Berhormat TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
 „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
 „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
 „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
 „ TUAN V. DAVID (Damansara).
 „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
 „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
 „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
 „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
 „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
 „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
 „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
 „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
 „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
 „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
 „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
 „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
 „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
 „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
 „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
 „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
 „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
 „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
 „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
 „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
 „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
 „ TUAN LEE KAW (Kluang).
 „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
 „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
 „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
 „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
 „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
 „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
 „ DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
 „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
 „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
 „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
 „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.**
(Hilir Padas).
- „ **TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).**
- „ **TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).**
- „ **TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).**
- „ **TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).**
- „ **TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).**
- „ **TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).**
- „ **DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.**
(Kuala Nerus).
- „ **DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).**
- „ **TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).**
- „ **TUAN P. PATTO (Menglembu).**
- „ **TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).**
- „ **DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).**
- „ **DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).**
- „ **TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).**
- „ **TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N. (Kangar).**
- „ **TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).**
- „ **PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).**
- „ **TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).**
- „ **TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).**
- „ **TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).**
- „ **TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).**
- „ **TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).**
- „ **DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).**
- „ **DR TAN TIONG HONG (Kepong).**
- „ **TENGGU NOOR ASIAH BINTI TENGGU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).**
- „ **TUAN TING CHEK MING (Bruas).**
- „ **TUAN TING LING KIEW (Bintulu).**
- „ **TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).**
- „ **WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).**
- „ **WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).**
- „ **TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).**
- „ **DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).**
- „ **TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).**
- „ **PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).**
- „ **DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).**
- „ **TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,**
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ **TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).**

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 16hb Oktober, 1978

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**PERBADANAN PERKAPALAN AN-
TARABANGSA MALAYSIA (MISC)—
PEMBELIAN KAPAL TANGKI**

1. **Datuk Haji Abu Bakar bin Umar** minta Perdana Menteri menyatakan adakah benar tempahan 5 buah kapal tangki Gas Cecair Asli (L.N.G.) yang bernilai hampir \$2,000 juta oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) telah dibuat tanpa perhitungan yang teliti, yang mana jadualnya tidak seimbang dengan projek Bintulu Sarawak yang dijangka hanya akan siap tahun 1982/1983, sedangkan kapal yang ditempah mulai siap tahun ini. Jika benar, berapakah kerugian yang akan ditanggung oleh Perbadanan tersebut pada tiap-tiap bulan bagi tiap-tiap buah kapal sementara menunggu siapnya projek Bintulu, dan apakah ikhtiar bagi mengatasinya. Jika tidak benar, adakah Kerajaan bersedia mengambil tindakan terhadap sebuah majalah iaitu *Asian Wall Street Journal*, yang telah mengatakan bahawa pembaziran yang banyak telah berlaku dalam projek pembelian kapal-kapal tersebut.

Perdana Menteri (Dato' Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa penempahan lima buah kapal tangki Gas Cecair Asli (L.N.G.) oleh Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) telah dibuat tanpa perhitungan yang teliti. Tiap-tiap tindakan Kerajaan adalah hasil daripada Kajian mendalam berasaskan kepada maklumat-maklumat yang dapat diperolehi. Demikianlah juga halnya dengan pembelian lima buah kapal Gas Cecair Asli

itu. Pembelian kapal-kapal itu adalah satu aspek yang penting di dalam rancangan pengeluaran Gas Cecair Asli kerana kapal-kapal itu merupakan penghubung di antara pengeluaran dan penggunaan Gas Cecair Asli.

Mengikut perancangan awal Kerajaan mengenai projek Gas Cecair Asli (L.N.G.), pengeluaran pertama gas itu dijangka akan bermula pada bulan Mac 1979. Dalam pada itu telah diketahui juga bahawa untuk membuat sebuah kapal tangki L.N.G. memerlukan masa empat tahun. Oleh kerana itu Kerajaan telah bersetuju bahawa kapal-kapal tangki L.N.G. itu ditempah pada bulan September, 1974. Kapal yang pertama dijadualkan siap pada bulan Mac 1979, yang lain-lain siap selang enam bulan tiap-tiap sebuah. Dengan demikian, apabila pengeluaran pertama Gas Cecair Asli itu bermula pada bulan Mac 1979, telah ada kapal pengangkutnya tersedia.

Sukalah saya maklumkan bahawa pada awalnya Kerajaan membuat rancangan Gas Cecair Asli itu atas dasar "concession" daripada syarikat-syarikat swasta yang menjalankannya. Tetapi kemudian daripada itu, Kerajaan telah mengambil keputusan supaya perindustrian petroliaam, termasuk L.N.G., hendaklah atas dasar perkongsian pengeluaran (production sharing). Oleh kerana itu maka perlulah diadakan rundingan-rundingan dengan syarikat-syarikat minyak dan rundingan-rundingan ini telah mengambil masa yang lama. Dengan sebab itu, maka jadual pengeluaran pertama Gas Cecair Asli itu terpaksa ditunda dan dijangka bermula pada awal tahun 1983.

Berhubung dengan tempahan lima buah kapal tangki L.N.G. itu, oleh kerana perjanjian membuatnya telah ditandatangani, maka kapal yang pertama akan siap pada bulan Mac 1979. Walau bagaimanapun, MISC telah dapat menandatangani perjanjian kedua dengan syarikat-syarikat berkenaan

supaya tarikh penyerahan kapal-kapal itu ditangguhkan daripada bulan Mac 1979 kepada penghujung tahun 1979.

Kerajaan adalah sedar bahawa kapal-kapal L.N.G. itu akan menganggur sehingga Syarikat L.N.G. Malaysia mengeluarkan gasnya pada awal tahun 1983. Ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar. Oleh itu beberapa ikhtiar telah dan sedang dijalankan supaya kapal-kapal itu dapat menjalankan kerja-kerja perdagangan dan pengangkutan yang lain sehinggalah projek L.N.G. Bintulu mulai mengeluarkan gasnya. Langkah-langkah ini masih dalam perundingan dan saya tidak dapat memberikan butir-butir yang lanjut mengenainya.

Mengenai rencana yang disiarkan oleh *Asian Wall Street Journal* tentang kapal-kapal L.N.G. itu, ia adalah satu pandangan dan ramalan pihak majalah itu dan dengan yang demikian tidak timbul soal mengambil apa-apa tindakan terhadapnya.

PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA MALAYSIA (MISC)—PENYIASATAN PENGURUSAN

2. Tuan Oo Gin Sun minta Perdana Menteri menyatakan samada patut dijalankan suatu penyiasatan rasmi terhadap pengurusan Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (Malaysia International Shipping Corporation) oleh kerana kemerosotan berturut-turut keuntungan Perbadanan ini daripada tahun 1975 manakala Perbadanan ini mendapat keuntungan sebanyak \$24.8 juta setelah ditolak cukai dan cuma \$1.5 juta bagi tahun 1977, sebab Kerajaan kita mencarumkan pelaburan yang amat banyak di dalam Perbadanan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC), sebagai sebuah syarikat perdagangan ada kalanya mendapat keuntungan yang banyak, ada kalanya mendapat keuntungan yang sedikit, dan ada kalanya mengalami kerugian. Saya sedar bahawa Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) telah mengalami kemerosotan keuntungan pada tahun 1977 jika dibandingkan dengan tahun 1975. Sebab-sebab kemerosotan keuntungan MISC bagi tahun 1977 dapat dirumuskan seperti berikut:

- (i) kemerosotan pasaran perkapalan antara-bangsa yang dialami di seluruh dunia termasuk juga syarikat-syarikat perkapalan yang lebih terkenal dan berpengalaman.
- (ii) kenaikan perbelanjaan pelayaran atau "voyage expenses" seperti bayaran-bayaran pelabuhan dan bayaran-bayaran punggah-memunggah yang tinggi, iaitu kenaikan sebanyak 90% pada tahun 1977 jika dibandingkan dengan tahun 1975. Sebaliknya pula hasil yang diperolehi dari upahan pengangkutan (freight income) hanya bertambah sebanyak 70% bagi tempoh yang sama. Kenaikan perbelanjaan pelayaran ini adalah di luar kawalan Perbadanan itu, kerana ianya dikenakan oleh pelabuhan-pelabuhan dan syarikat-syarikat punggah-memunggah (stevedoring companies).
- (iii) kenaikan nilai wang Jepun berbanding dengan wang Ringgit kita. Ini telah menyebabkan bertambahnya pembayaran balik pokok dan faedah pinjaman yang telah diterima dalam Yen Jepun.
- (iv) bertambahnya bayaran-bayaran faedah pinjaman (financial charges), iaitu dari 10.2 juta ringgit pada tahun 1975 kepada 33.7 juta ringgit pada tahun 1977. Ini adalah kerana beberapa pinjaman daripada Kerajaan dan limbungan-limbungan kapal kepada MISC telah tamat "grace period"-nya dan dengan demikian pembayaran balik mestilah dibuat.

Badan Pengurus MISC adalah menyedari kemerosotan ini dan berusaha seboleh-bolehnya untuk mencari jalan bagaimana mengatasi kemerosotan keuntungan itu. Berbagai langkah telah diambil untuk menambahkan lagi pendapatan serta menjalankan pengawasan perbelanjaan yang lebih ketat. Memandangkan kepada ini dan juga bahawa Jabatan Perdana Menteri sendiri adalah mengawas dan meneliti perjalanan MISC, maka pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengadakan satu penyiasatan rasmi terhadap MISC.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu Dewan ini, apakah langkah-langkah yang

akan diambil oleh MISC atau pihak Kerajaan untuk mengatasi kemerosotan yang sangat memeranjatkan kita ini, juga apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk membaiki perkhidmatan MISC?

Tuan Yang di-Pertua: Bagaimanakah caranya untuk mengatasi keadaan kerugian ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di antara langkah-langkah yang diambil oleh MISC untuk menambahkan hasil dan keuntungannya ialah:

- (i) membeli dua kapal kontena yang dijangka akan siap pada bulan April dan Julai, 1979. Perkhidmatan kontena ini adalah yang popular sekarang dan membawa hasil yang lumayan,
- (ii) membeli dua kapal kontena (feeder) yang akan berkhidmat antara Singapura, Port Kelang dan Bangkok,
- (iii) membeli dua buah kapal pengangkutan minyak kelapa sawit.

Dengan langkah-langkah ini pihak MISC berharap dapat menambahkan keuntungannya.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada berita dalam akhbar sehari dua ini mengenai masalah pertukaran Timbalan Pengerusi MISC. Adakah ini ada kaitannya mengenai penyusunan baru tindakan pihak Jabatan Perdana Menteri terhadap MISC oleh kerana kemerosotan yang disebutkan?

Tuan Yang di-Pertua: Di mana dapat berita ini?

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Dalam akhbar.

Tuan Yang di-Pertua: Akhbar, dalam Peraturan Mesyuarat 23, samada benar atau tidaknya tidak boleh disoalkan di sini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana nampaknya ada kemerosotan dalam pendapatan MISC ini setengah-setengahnya ialah kerana faktor luar negeri. Adakah Kerajaan bermaksud hendak menyusun semula pengurusan MISC sekarang dengan melantik pegawai-pegawai baru di peringkat atasan?

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini ada dalam pandangan MISC. Jika pengurusannya tidak memuaskan dan mendatangkan kerugian atau kemerosotan keuntungan, sebabnya dengan perkara-perkara lain, sebab-sebab yang tidak boleh dielakkan, tentulah Kerajaan akan memberi pandangan bagi menyusun semula pengurusan perbadanan itu.

RANCANGAN MALAYSIA KETIGA— KAJIAN PERTENGAHAN

3. Tuan Lee Lam Thye (*di bawah S.O. 24(2)*) minta Perdana Menteri menyatakan kemajuan tentang kajian Peringkat Pertengahan Rancangan Malaysia Ketiga, bilakah Laporan kajian Peringkat Pertengahan akan dibentangkan di Parlimen untuk dibahaskan dan samada Kerajaan bercadang untuk memasukkan ke dalam kajian Peringkat Pertengahan matlamat bahawa sebelum tahun 1990, 40% daripada rakyat Malaysia yang miskin akan mendapati sekurang-kurangnya 30% jumlah pendapatan dan membetulkan ketidak-samaan yang amat besar yang wujud sekarang di mana satu per sepuluh keluarga yang kaya menikmati 40% pendapatan negara supaya dapat memberikan pengertian kepada tujuan pertama Dasar Ekonomi Baru untuk membasmi kemiskinan.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kajian Semula Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga sedang berjalan seperti yang dijadualkan dan sebahagian besar daripada kerja-kerja yang diperlukan telahpun selesai. Kerajaan akan membentangkan Lapornya di Dewan ini dalam mesyuarat yang akan datang.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum, satu matlamat utama Dasar Ekonomi Baru (D.E.B.) ialah mengurang dan seterusnya membasmi kemiskinan di kalangan rakyat Malaysia dari semua kaum, Kumpulan miskin, yang sekarang melibatkan 40% penduduk, akan terus dikurangkan sehingga mereka akan hanya merupakan kira-kira 17% daripada penduduk menjelang tahun 1990. Matlamat ini akan dicapai melalui projek dan program-program bagi meninggikan daya pengeluaran dan pendapatan mereka yang berpendapatan rendah dan juga menambah peluang-peluang pekerjaan bagi semua rakyat supaya pendapatan mereka mencukupi sekurang-kurangnya bagi memenuhi keperluan

asas mereka. Rancangan-rancangan pembangunan Kerajaan adalah ditumpukan kepada usaha untuk meninggikan pendapatan golongan miskin. Dengan ini bukan sahaja pendapatan mereka akan meningkat, bahkan bahagian atau syer mereka dari jumlah seluruh pendapatan akan turut bertambah.

Keterangan lanjut mengenai segala projek, program dan strategi serta matlamat dan pencapaiannya adalah dibentangkan dalam buku Rancangan Malaysia Ketiga. Perkara-perkara ini akan juga dibincangkan selanjutnya dalam Lapuran Kajian Semula Separuh Penggal. Lapuran ini akan mengkaji semula pelaksanaan dasar dan program-program di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dengan tujuan supaya sebarang kekurangan dan kelemahan dapat dibetulkan bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru. Samada Kerajaan akan mengadakan satu matlamat baru seperti yang dicadangkan dalam soalan Ahli Yang Berhormat itu, eloklah kita tunggu sehingga Lapuran Kajian Separuh Penggal R.M.T. itu dibentangkan di Dewan ini kelak.

Walau bagaimanapun, saya rasa matlamat yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, iaitu supaya 40% daripada rakyat Malaysia yang miskin memperoleh sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah pendapatan, terutama sekali bagi negara kecil yang mempunyai ekonomi terbuka, seperti negara kita ini. Matlamat ini tidak pernah dicapai oleh sebarang negara maju walau negara sosialis sekalipun.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata bahawa adalah mustahil untuk mencapai matlamat bahawa 40% pendapatan negara boleh dinikmati oleh penduduk dari golongan yang miskin. Maka adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan meninjau dan mengubah sistem ekonomi yang terbuka ini supaya matlamat itu boleh dicapai?

Tuan Yang di-Pertua: Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sudah jawab, katanya tunggu sampai dibentangkan nanti, baharulah kena dikaji bagaimana caranya. Sekarang ini belum selesai Kajian Setengah Penggal Rancangan Malaysia Ketiga itu.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan. Soalan yang asal ialah samada Kerajaan bercadang untuk menyertakan target 40% daripada

orang-orang miskin menikmati pada tahun 1990 sekurang-kurangnya 30% daripada jumlah pendapatan negara. Tadi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak terangkan dalam soal ini samada beliau bercadang untuk menyertakannya dalam Mid-Term Review.

Tuan Yang di-Pertua: Tadi sudah dijelaskan sekarang ini belum selesai lagi Kajian Setengah Penggal itu. Mid-Term Review belum selesai, bila selesai, akan dibentangkan dalam persidangan Dewan ini akan datang. Pada masa itu, barulah Kerajaan akan memikirkan samada dikaji atau tidak. Jadi soalan itu berbalik-balik mengapa soal lagi. Jawapannya sudah ada.

Tuan P. Patto: Penjelasan sedikit, Tuan Speaker. Maksud saya sama ada sebelum dibentangkan lapuran, cadangan itu ditimbang dan dimasukkan ke dalam lapuran itu, jadi apabila lapuran itu dibentangkan, maka target itu sudah disertakan di dalam lapuran itu. Itu maksud soalan saya.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya telah menerangkan iaitu maksud soalan itu ialah satu dasar yang baru atau maksud yang baru. Saya menasihatkan Ahli Yang Berhormat itu membaca buku Rancangan Malaysia Ketiga di mana kita telah menghuraikan matlamat-matlamat, tujuan-tujuan dan langkah-langkah yang kita akan jalankan bagi mencapai tujuan dan matlamat angka yang telah disebutkan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Angka yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ialah angka yang baru. Maka oleh itu seperti saya katakan tadi, saya tidak dapat memberikan jaminan atau memberikan jawapan bahawa angka itu boleh dicapai.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bilakah agak masanya Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga akan dibentangkan dalam Parlimen?

Tuan Yang di-Pertua: Dalam mesyuarat Dewan yang akan datang pada bulan Mac, 1979.

Tuan P. Patto: Daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, adakah ini bermaksud bahawa

Kerajaan tidak berniat untuk mencapai matlamat 40% daripada keluarga miskin di Malaysia ini menikmati 30% daripada jumlah pendapatan negara?

Tuan Yang di-Pertua: Itu bukan soalnya. Jawapan yang dikatakan tadi ialah ini angka baru. Ahli Yang Berhormat belum baca barangkali.

Tuan P. Patto: Penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti, sabar, duduk! Tak ada penjelasan lagi. Soalannya berbalik-balik macam mana. Duduk, duduk! Sudah jelas. Kajian belum lagi selesai, sehingga nanti selesai dibentangkan. Angka 40% itu sudah dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini bukan angka di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Ini Rancangan Malaysia Ketiga yang dibentangkan pada Parlimen Keempat dahulu, dan Yang Berhormat belum jadi Ahli lagi.

Tuan P. Patto: Ya, saya memang ada baca, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Abu Bakar bin Umar.

PELABUR-PELABUR ASING

4. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah pemergian Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ke Eropah menjelang pilihanraya umum yang lepas sebagai Timbalan Perdana Menteri atau sebagai Menteri Perdagangan dan Perindustrian;
- (b) berapa banyakkah wang yang terlibat untuk keseluruhan perbelanjaan perjalananan dan sebagainya untuk Yang

Berkenaan dengan hasil positif daripada rombongan itu Ahli Yang Berhormat mungkin sedia maklum bahawa suatu cadangan pelaburan yang konkrit selalunya mengambil masa antara 6 hingga 12 bulan sebelum ianya dijalankan. Pihak-pihak yang berminat tidak akan menciburkan dirinya sehingga kesemua aspek-aspek projek yang dicadang itu telah diselidiki dengan teliti. Berkaitan dengan ini, saya ingin menekankan bahawa wakil-wakil dari 12 buah

Amat Berhormat dan rombongannya; dan

- (c) sehingga sekarang berapa banyak sudah pelabur asing yang telah berjanji sewaktu lawatan Yang Amat Berhormat itu telah melaburkan modalnya di Malaysia; dan sila sebutkan nama syarikat, jenis dan bentuk perusahaannya.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Rombongan Pelaburan ke Eropah baru-baru ini telah diketuai oleh saya selaku Menteri Perdagangan dan Perindustrian.
- (b) Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat rombongan rasmi ke Eropah terdiri daripada 18 orang ahli dan kos bagi rombongan tersebut berjumlah kira-kira M\$171,658.

Ahli Yang Berhormat mungkin ingin mengetahui bahawa rombongan rombongan pelaburan yang telah diadakan pada tahun ini dan juga pada tahun-tahun sebelumnya telah dikendalikan bersama dan ditaja oleh bank-bank asing yang utama dan/atau Ajensi-ajensi Kerajaan asing. Faedah dari kerjasama ini tentulah boleh difaham oleh Ahli Yang Berhormat.

- (c) Rombongan ke Eropah telah mengadakan seminar-seminar di bandar-bandar Birmingham (England), Frankfurt (Republik Persekutuan Jerman), Paris (Negeri Perancis) dan Copenhagen (Denmark). Di dalam perjumpaan-perjumpaan individu, wakil-wakil dari sekurang-kurangnya 75 buah syarikat telah menemui ahli-ahli rombongan itu untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang lebih lanjut dan untuk membincangkan projek-projek tertentu.

syarikat di Eropah telah melawat Malaysia baru-baru ini untuk meninjau kemungkinan menubuhkan kegiatan perkilangan mereka di sini. Butir-butir mengenai 12 buah syarikat-syarikat tersebut adalah seperti berikut:

Nama-nama Syarikat	Projek yang diminati
1. Thomson Csf (Perancis)	“Ceramic” dan “polyester capacitors” dan bahagian-bahagian letronik untuk radio dan TV (100% ekspot)
2. Seico Ltd. (Perancis)	“PVC conduits” untuk alat-alat elektrik
3. Telemecanique (Perancis)	Alat-alat volta rendah (contactors, starters, relays, switches) (100% ekspot)
4. Creausot Loire (Perancis)	Tidak ada cadangan projek yang tertentu
5. Etablissements CAPY (Perancis)	“Elastic latex rubber bands” (100% ekspot)
6. Sodec Group (Perancis)	Penapisan dan “fractionation” minyak kelapa sawit
7. Silentnight Holdings (United Kingdom)	Memproses “coir fibre” untuk membuat tilam dan “bedding” (100% ekspot)
8. Q. Mark International Ltd. (United Kingdom)	Alat-alat ladang ternakan
9. Bowthorp Emp. (United Kingdom) ...	“Heavy duty distribution lightning arrestors” (100% ekspot)
10. Barakuda Bergann (Jerman Barat) ...	“Inflatable boats” dan “plastic sailing boats”
11. Norsk Teknik Porselen-Fabrikk (Norway)	“High quality high tension porcelain insulators” (untuk pasaran tempatan dan ekspot)
12. Norcem (Norway)	Membuat simen (untuk pasaran tempatan)

Selain daripada kumpulan-kumpulan penyelidikan tersebut di atas, kumpulan-kumpulan berikut akan melawat Malaysia pada akhir tahun ini.

- (i) “Confederation of the German Furniture and Wood-Working Industries”.
- (ii) Kumpulan pengusaha-pengusaha Scandinavia.

Sebagai tambahan kepada lawatan-lawatan penyelidikan ini berbagai pertanyaan bertulis telah diterima daripada usahawan-usahawan di England, Negeri Perancis, Jerman Barat dan Negara-negara Scandinavia, untuk maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang pelaburan yang terdapat di Malaysia. Pihak L.K.P.P. sedang mengambil tindakan susulan yang sewajarnya mengenai pertanyaan-pertanyaan ini.

Untuk rombongan menarik pelaburan yang disusun baru-baru ini, pihak swasta dijemput menyertainya. Ahli Yang Berhormat juga dijemput untuk menyertai rombongan untuk terlibat dengan lebih dekat kegiatan saya dan

rombongan penarik pelabur. Belanja untuk penyertaan Ahli Yang Berhormat bolehlah dibayar sendiri.

Datuk Haji Abu Bakar bin Umar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Timbalan Menteri baharu pulang dari Amerika, dapatkah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri memberi tahu di antara sambutan orang-orang Amerika dengan orang-orang Eropah, mana baik agaknya di antara kedua-dua pelabur itu? (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Soalan ini berkenaan dengan lawatan ke Eropah, tetapi kalau Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri hendak tambah sebagai menyukakan hati Yang Berhormat itu, bolehlah. (*Ketawa*).

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya telahpun membuat kenyataan bahawa sambutan di Amerika Syarikat nampaknya lebih baik daripada di Eropah walaupun di Eropah juga adalah baik.

Tuan Yang di-Pertua: Jawapan mass media itu sudah ada, tetapi Yang Berhormat itu hendak dengar sendiri dari Yang Amat Berhormat.

Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamed: Ya, boleh.

RUNDINGAN PERDANA MENTERI DENGAN PRESIDEN SUHARTO

5. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan apakah yang telah dirundingkan semasa pertemuan beliau dengan Presiden Suharto baru-baru ini di Labuan dan dalam cara apakah rundingan itu dapat menguntungkan Malaysia.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sama maksudnya dengan soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kota Star yang telah saya jawab pada hari Khamis 12hb Oktober yang lalu. Saya tiada apa-apa tambahan kepada jawapan yang telah saya berikan itu.

TARIKH PUASA DAN HARI RAYA

6. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais minta Perdana Menteri menyatakan samada beliau sedar tentang kekeliruan setiap tahun dalam menentukan tarikh mula berpuasa dan Hari Raya Puasa dan mengapa Malaysia dan negara-negara Islam yang lain tidak menyambut hari tersebut pada hari yang sama dan jika ya, apakah tindakan yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan menyedari tentang adanya kekeliruan di kalangan umat-umat Islam di Malaysia mengenai penentuan tarikh mula berpuasa dan Hari Raya Puasa.

Kekeliruan mengenai penentuan hari berpuasa dan Hari Raya Puasa yang baru lalu ini, adalah kerana negara kita telah mengambil keputusan untuk menentukan permulaan puasa dan Hari Raya itu berdasarkan kepada rukyah atau penglihatan anak bulan, sedangkan pada tahun-tahun sebelumnya penentuan hari-hari tersebut adalah berdasarkan kepada hisab atau falak. Walau bagaimanapun, memang didapati ada golongan-golongan umat Islam di negara ini yang tidak akan mematuhi walau apapun

cara penentuan yang kita gunakan. Ini adalah kerana ada di kalangan umat Islam yang bersetuju dengan cara rukyah dan ada pula yang bersetuju dengan cara falak.

Mengenai kenapa Malaysia dan negara-negara Islam yang lain tidak menyambut hari-hari tersebut pada hari yang sama, saya tidak dapat memberi jawapan kerana ini adalah keputusan negara-negara itu sendiri.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Selepas sahaja nari raya, saya terdengar atau terbaca dalam akhbar, ada orang yang mengatakan dia sendiri telah ternampak anak bulan sedangkan orang yang pergi ke Telok Kemang tidak nampak. Soalan tambahan saya, sekiranya yang ternampak itu didapati pada segi hukum di negeri itu orang yang ada amanah, orang yang baik, tidakkah boleh Kerajaan menimbang untuk mengambil kira juga orang yang ternampak itu walaupun dia bukan mewakili Kerajaan.

Saya minta maaf, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya buat soalan tambahan sekali lagi. Kalau tidak silap saya ada satu Hadis, katanya

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Ahli Yang Berhormat itu bercakap dalam Bahasa Malaysia (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua: Bahasanya betul Bahasa Malaysia, tetapi pelatnya sahaja. (*Ketawa*).

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya bercakap dalam Bahasa Malaysia, tetapi barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kalau suruh saya ulang, saya ulang sekali lagi. Selepas sahaja Hari Raya Puasa yang lepas manakala keadaan kalam-kabut atau kekeliruan berlaku sebagaimana kata Yang Amat Berhormat tadi, saya terbaca dalam akhbar ada orang yang mengatakan yang dia ternampak anak bulan (*Ketawa*) pada hari yang terdahulu daripada yang ditetapkan oleh pihak yang mewakili Kerajaan melihat anak bulan di Telok Kemang. Jadi soalan saya, kalaulah ada orang lain misalnya nelayan atau siapa juga yang ternampak anak bulan, tetapi orang itu bukan mewakili Kerajaan—pergi ke Telok Kemang, bolehkah Kerajaan memakai ataupun mengiktiraf penglihatan orang itu, syaratnya orang

ini adalah seorang yang dipercayai ada amanah dan seorang yang baik. Itu soalan saya.

Tuan Yang di-Pertua: Dia sendiri wajib, samada puasa atau hari raya, tinggal lagi hendak bertanya samada Kerajaan hendak terima atau tidak.

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, saya hendak bertanya samada Kerajaan boleh terima. Maaf saya sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua, barangkali Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak saya terangkan lagi. Soalan saya begini: Kalau selain daripada yang mewakili Kerajaan ke Telok Kemang, misalnya Mufti Negeri Sembilan dan beberapa orang lagi, iaitu ada orang lain pula tetapi bukan yang pergi ke Telok Kemang seperti nelayan dan sebagainya, dia betul-betul nampak anak bulan dan orang ini kalau ditanya anak tempatan, misal Khadi, orang ini ada amanah, bolehkah dipakai, itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah saksinya?

Tuan Shaari bin Jusoh: Ada cukup saksinya, itu maksud saya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Amat Berhormat.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat maklum berkenaan dengan menengok anak bulan samada kerana berpuasa atau berhari raya adalah ditetapkan mengikut peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Raja-raja dan orang-orang ini telah diangkat oleh Majlis itu dan diberi tugas yang tertentu. Selain daripada itu pihak Raja-raja tidaklah barangkali dapat menerima, kerana ia telah menugaskan orang-orang yang tertentu di tempat-tempat yang tertentu. Ini boleh juga saya bangkitkan, atau menyebutkan, oleh kerana Ahli Yang Berhormat ini membangkitkan perkara ini di sini, saya akan kemukakan perkara ini di Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama samada ada pandangan Yang Berhormat itu boleh diterima atau tidak. Kalau misalnya pada tahun hadapan Ahli Yang Berhormat sendiri nampak bulan, orang lain bersumpah bagi hendak pecah tak nampak anak bulan, samada hendak diterima atau tidak, itu terpulanglah.

Tuan Haji Mohd. Idris bin Haji Ibrahim: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bolehkah atau tidak diubah cara melihat anak bulan? Macam sekarang ini kita tengok dengan menggunakan teropong dan bolen jadi ditutup oleh awan dan sebagainya. Bolehkah cara lain pula digunakan umpamanya menggunakan kapal-terbang ataupun helikopter untuk menengok anak bulan itu?

Perdana Menteri: Ini saya akan sampaikan kepada Majlis.

Tuan Abdul Shukur bin Haji Siraj: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tidakkah timbul keraguan bahawa alat yang digunakan untuk melihat anak bulan itu tidak berjaya menembusi lindungan yang dilakukan oleh awan atau kabus yang sentiasa ada di angkasa negara kita.

Perdana Menteri: Ini saya tidak dapat menjawabnya, saya akan kemukakan juga kepada Majlis.

Tuan Yang di-Pertua: Melainkan ia teropong, radarnya kuat betul.

Perdana Menteri: Ia.

Tuan Hashim bin Endut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nampaknya bulan ini susah hendak nampak di tiga tempat seperti sekarang. Adakah Perdana Menteri bercadang hendak tambah lagi tempat-tempat menengok anak bulan ini? Kalau tiga tempat itu susah hendak nampak kita buatkan sepuluh jika perlu. Adakah kemungkinan boleh dilakukan macam itu?

Tuan Yang di-Pertua: Tambah lagi tempat melihat selain daripada tiga, banyakkannya lagi.

Perdana Menteri: Itupun saya akan sampaikan kepada Majlis (*Ketawa*).

PEGUAMCARA NEGARA—KENAIKAN PANGKAT

7. **Tuan Lee Kaw** minta Perdana Menteri menyatakan samada benar Peguamcara Negara, Tan Sri Salleh Abbas, akan dinaikkan ke pangkat Hakim Persekutuan dan jika ya, samada tarikh kenaikan pangkat ini telah

ditangguhkan kerana beliau hendak secara peribadi mendakwa dalam kes Tuan Lim Kit Siang yang didakwa di bawah Akta Rahsia Rasmi di mahkamah.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, ini saya minta panduan daripada Tuan Yang di-Pertua, saya hendak kemukakan pertanyaan kepada Ahli Yang Berhormat iaitu sebelum saya menjawab soalan ini, saya hendak bertanya kepada Ahli Yang Berhormat, macam-mana dan dari siapa Ahli Yang Berhormat itu mendapat maklumat yang Peguamcara Negara, Tan Sri Salleh Abbas akan dinaikkan ke pangkat Hakim Persekutuan dan tarikh kenaikan pangkat ini telah ditangguhkan sedangkan maklumat ini masih lagi sebagai rahsia, ataupun not in the public interest to be disclosed.

Tuan Yang di-Pertua: Adakah Ahli Yang Berhormat hendak menjawab pertanyaan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri?

Tuan Lee Kaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini berbangkit, oleh sebab saya dengar dari berita angin (*Ketawa*).

PELAN INDUK BANDAR-BANDAR

8. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan apakah sebabnya Pelan Induk bagi lima buah bandar, iaitu Kuala Lumpur (1970); Ipoh (1931); Johor Bahru (1962); George Town (1974) dan Keluang (1960) sahaja yang telah disiapkan, manakala bandar-bandar lain yang besar di Malaysia Pelan Induknya belum disiapkan. Adakah Kerajaan memikirkan bahawa Pelan Induk bagi negeri-negeri lain belum begitu mustahak, sedangkan Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 telah diluluskan oleh Parlimen.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan adalah tidak berniat untuk menumpukan penyediaan pelan-pelan induk bagi lima buah bandar sahaja. Beberapa pelan induk telah disediakan yang berbentuk secara rangka pelan zoning (Draft Zoning Plan) yang meliputi beberapa buah bandar yang besar dan kecil. Pelan-pelan ini

digunakan sebagai panduan dan kawalan pembangunan oleh Penguasa-penguasa Tempatan.

Di antara pelan-pelan ini hanya pelan-pelan induk bagi lima buah bandar sahaja yang telah diwartakan sepenuhnya oleh Penguasa-penguasa Tempatan yang bertanggungjawab dalam mewartakan pelan-pelan tersebut mengikut kehendak undang-undang yang berkuatkuasa di masa itu.

Selain daripada itu terdapat juga pelan-pelan bagi sebahagian bandar kecil dan besar yang telah diwartakan (*gazetted in part*).

Sungguhpun Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 telah diluluskan oleh Parlimen, tetapi pelaksanaannya adalah terletak di atas kuasa tiap-tiap Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun, pada ketika ini langkah-langkah dan usaha-usaha telah dimulakan ke arah penyediaan pelan bagi semua bandar-bandar yang mana tiap-tiap satu memakan masa yang panjang bagi menyediakannya. Sebagai permulaan, ini termasuklah penyediaan projek brief bagi bandar-bandar kecil dan besar.

PERTUBUHAN-PERTUBUHAN PENGILANG

9. **Tuan Lee Lam Thye** (*di bawah S.O. 24*) (2)) minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu jumlah bilangan pertubuhan-pertubuhan pengilangan yang mempunyai modal \$500,000 atau lebih dan bilangan daripada ini yang telah didaftarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sukalah saya memaklumkan bahawa perangkaan mengenai pertubuhan-pertubuhan pengilangan yang terdapat sekarang ini tidaklah dikelaskan mengikut modal pertubuhan-pertubuhan tersebut. Banci yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan adalah dikelaskan mengikut ukuran-ukuran lain seperti "fixed assets", jumlah pekerja dan sebagainya. Misalnya, banci terakhir yang dijalankan dalam tahun 1973 menunjukkan bahawa berdasarkan kepada ukuran "fixed assets", terdapat sebanyak 669 buah pertubuhan yang mempunyai nilai "fixed assets" melebihi \$500,000. Angka ini harus telah bertambah dari setahun

kesetahun. Oleh yang demikian, saya tidaklah dapat memberikan bilangan pertubuhan-pertubuhan pengilangan yang modal mereka melebihi \$500,000 dan bilangannya yang telah didaftarkan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian.

Walau bagaimanapun, sukalah saya menyatakan bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian mempunyai perangkaan-perangkaan yang dikelaskan mengikut modal pemegang saham (shareholders fund) dan bilangan pekerja-pekerja sepenuh masa di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian. Mengikut Akta ini, pertubuhan-pertubuhan pengilangan yang menjalankan kegiatan-kegiatan pengilangan dan yang mempunyai modal pemegang saham melebihi \$250,000 atau mempunyai bilangan pekerja-pekerja sepenuh masa melebihi 25 orang sahaja yang diperlukan membuat permohonan untuk mendapatkan Lesen Pengilang. Berasaskan kepada kriteria ini, sebanyak 2,484 lesen telahpun diluluskan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sehingga 31hb Ogos, 1978. Angka ini tidak termasuk kegiatan-kegiatan pengilangan yang dikecualikan di bawah Akta tersebut iaitu kegiatan-kegiatan seperti memproses getah asli, minyak kelapa sawit mentah dan pengilangan beras.

UNIVERSITI-UNIVERSITI TEMPATAN—KEMASUKAN PELAJAR- PELAJAR

10. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pelajaran menerangkan bagaimanakah mata-mata diberikan untuk keputusan H.S.C./S.T.P. bagi maksud masuk ke dalam universiti-universiti tempatan dan menyatakan apakah mata-mata yang dijadikan mata-mata pemutus atau "cut-off points" untuk pelajar-pelajar Melayu dan bukan Melayu untuk memasuki ke dalam pelbagai fakulti di Universiti Malaya bagi tahun akademik 1978-1979.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa Hitam): Tuan Yang di-Pertua, pemberian mata bagi maksud kemasukan ke universiti-universiti tempatan adalah berdasarkan pertimbangan merit akademik yang diperolehi oleh seorang calon. Oleh kerana keputusan H.S.C./S.T.P. digunakan sebagai asas kemasukan, maka mata-mata yang tertentu diberikan kepada matapelajaran-matapelajaran H.S.C./S.T.P.

yang diiktiraf oleh universiti mengikut perhitungan tertentu, iaitu lebih baik kelulusannya maka lebih tinggi markah yang diperolehi oleh seseorang calon.

Berasas kepada kenyataan yang diterima oleh Kerajaan bahawa kebanyakan daripada penuntut-penuntut Bumiputra datangnya dari luar bandar di mana kemudahan-kemudahan begitu berkurangan, calon-calon Bumiputra dan bukan Bumiputra adalah dipilih daripada senarai merit yang berasingan; iaitu calon Bumiputra mengikut senarai merit aliran sastera dan sains bagi calon-calon Bumiputra sahaja, dan calon bukan Bumiputra mengikut senarai merit aliran sastera dan sains bagi calon bukan Bumiputra. Oleh itu mata pemutus, iaitu jumlah bilangan mata yang minima yang diperolehi oleh seseorang calon untuk dipilih masuk mengikut sesuatu kursus di universiti tempatan bagi calon-calon Bumiputra adalah berbeza daripada calon-calon bukan Bumiputra.

Bagi tahun akademik 1978/79 umpamanya, mata pemutus atau "cut-off points" bagi kursus aliran sastera bagi calon Bumiputra adalah 36 mata, tetapi bagi calon bukan Bumiputra ialah 44 mata.

Dalam aliran sains oleh kerana terdapat sebilangan kecil saja calon Bumiputra berbanding dengan bilangan tempat yang disediakan maka mata pemutus untuk calon-calon Bumiputra ialah berasas kepada kelulusan minima, tetapi bagi calon-calon bukan Bumiputra dalam kursus-kursus yang sama mata pemutus ialah 54.

Penentuan mata pemutus bagi kemasukan calon-calon adalah tertakluk kepada perubahan dan semakan pada setiap tahun, iaitu seimbang dengan tempat-tempat yang ada dan mengambil kira faktor-faktor tertentu seperti kumpulan-kumpulan yang ketinggalan dalam negara.

Tuan Chan Teck Chan: Apakah sebabnya perbezaan-perbezaan ini diadakan di antara rakyat bumiputra dan bukan bumiputra dan adakah ini merupakan satu sebab-sebabnya yang mengakibatkan ramainya pelajara-pelajara bukan bumiputra yang ditolak dari pintu ke lima-lima universiti tempatan ini?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan kepada baha-gian yang pertama itu sudah ada jawapannya.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, asas Dasar Ekonomi Baru kita dengan konsepnya ialah bahawa rakyat keturunan bumiputra di dalam negara kita ini coincidentally, terkena pula datangnya daripada bidang yang tertinggal begitu lama. Berasas kepada inilah maka Dasar Ekonomi Baru digubal dan apa juga rancangan-rancangan pembangunan di negara kita ini berasas kepada konsep yang saya sebutkan tadi. Maka sebab itulah pengambilan anak-anak murid kita ataupun pelajar-pelajar kita ke universiti-universiti seimbang dengan asas konsep Dasar Ekonomi Baru yang saya sebutkan tadi.

Soalan yang kedua saya terlupa.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah asas-asas konsep ini dijalankan dengan meluaskan konsep "cake" pelajaran atau ekonomi terlebih dahulu sebelum berasaskan matlamat Dasar Ekonomi Baru supaya tidak ada satu kaum akan mengalami kerugian atau eksploitasi?

Tuan Yang di-Pertua: Ini Dasar Ekonomi Barukah?

Tuan Chan Teck Chan: Dasar Ekonomi Baru. Itu yang saya katakan, adakah sebelum berasaskan Dasar Ekonomi Baru ini adakah peluang-peluang pelajaran di universiti telah diluaskan tempat-tempatnya sebelum dasar ini dijalankan?

Dato' Musa Hitam: Sebelum dasar ini dijalankan?

Tuan Yang di-Pertua: Sebelum ekonomi dibesarkan. Jadi dia minta hendak dijawab, adakah hendak peluang pelajaran dibesarkan dahulu baru dijalankan?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, soal ini telah dibahaskan dengan panjang lebar dan Ahli Yang Berhormat sendiri mengambil bahagian dalam perbahasan ini pada hari itu. Jadi dari segi meluaskan peluang untuk anak-anak kita dapat tempat di peringkat universiti, bergantung kepada kemampuan negara. Pada saat ini prioritynya ialah untuk memberi kepentingan ataupun tempat kepada anak-anak kita yang ketinggalan dan di samping itu diberi juga tempat kepada anak-anak yang lain juga supaya dari segi kesempatan itu seimbang

pada keseluruhannya sungguhpun masanya sudah tiba di mana begitu banyak daripada anak-anak kita yang tidak mendapat tempat ini diakui oleh Kerajaan.

Tuan P. Patto: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini samada perbezaan "cut-off points" ini juga akan menyumbang terhadap jatuhnya standard of education di universiti-universiti kita dan adakah Kerajaan bercadang supaya jurang perbezaan "cut-off points" itu akan disempitkan lagi?

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang pertama tadi jawabnya tidak. Buktinya ialah begitu banyak anak-anak, pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswa kita yang telah lulus daripada universiti tempatan dan bukan sahaja di peringkat ini tetapi mereka telah keluar negeri dan apabila mereka keluar negeri mereka telah mendapat kelulusan yang lebih tinggi dengan kepujian yang begitu baik. Mereka ini ialah datangnya daripada anak-anak kita yang di kampung-kampung yang diberi keistimewaan.

Yang kedua dari segi—soalnya saya selalu terlupa sebab dia bercakap pun laju sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Bahagian yang kedua. Ahli Yang Berhormat itupun sudah lupa juga!

Dato' Musa Hitam: Kalau sama-sama lupa, boleh duduklah. Tetapi saya baru teringat, samada "cut-off points" ini akan dikurangkan. Jawabnya sudah diberi di dalam ruangan yang penghabisan saya mengatakan mengikut keadaan masa dan kemampuan universiti tempatan.

Tuan Lim Kit Siang: Soalan tambahan. Yang saya faham "cut-off points" ialah berasaskan kepada quota atau tempat-tempat yang pihak Kerajaan atau dalam sebuah universiti dikhaskan untuk beberapa pelajar-pelajar bumiputra dalam setiap fakulti. Soalan saya ialah kalau dalam satu fakulti sungguhpun "cut-off points" ada dikurangkan sampai markah-markah yang minimum tetapi masih lagi tidak boleh isikan tempat-tempat kosong. Adakah tempat-tempat itu diberikan, diisikan oleh lain-lain pelajar bukan bumiputra yang layak?

Tuan Yang di-Pertua: "Cut-off points" yang minimum tadi ialah untuk sains sahaja.

Tuan Lim Kit Siang: Di mana-mana fakulti pun.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi bukan semua, mengikut jawapan Yang Berhormat Menteri tadi.

Dato' Musa Hitam: Tuan Yang di-Pertua, setahu saya ada universiti yang menerima.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Adakah Yang Berhormat Menteri Pelajaran bersetuju dengan saya bahawa sistem yang dijalankan di negeri ini dalam soal menentukan kelayakan masuk ke universiti ini adalah satu amalan yang universal yang sudah dijalankan di mana-mana juga. Misalnya, dalam permainan golf; orang yang baru belajar, baru hendak start diberi handicap tinggi dan orang yang sudah maju, yang sudah lama bermain diberi handicap rendah. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa ini tidak merupakan satu perbuatan yang tidak adil?

Tuan Yang di-Pertua: Ini tidak boleh disamakan dengan golf. Sila Yang Berhormat Menteri menjawabnya.

Dato' Musa Hitam: Saya tidak berapa faham sangat main golf ini (*Ketawa*) tetapi kalau tujuan Ahli Yang Berhormat itu ialah penggunaan istilah handicap system—saya bersetuju.

UNIVERSITI MERDEKA

11. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah langkah-langkah yang positif telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan rakyat kita mengadakan kolej-kolej dan universiti-universiti yang berdikari sebagai salah satunya langkah yang berkesan untuk menolong Kerajaan mengatasi masalah kekurangan peluang bagi rakyat Malaysia, khususnya bukan Melayu untuk menuntut di institusi-institusi pelajaran tinggi di Malaysia, umpamanya adakah beliau akan berinisiatif untuk merekomen cadangan dan projek penubuhan Universiti Merdeka kepada D.Y.M.M. Yang

di-Pertuan Agong supaya Universiti Rakyat dan berdikari ini dapat diwujudkan demi kepentingan pelajaran negara dan perpaduan rakyat kita.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sikap Kerajaan Barisan Nasional atas soalan ini telahpun dihuraikan semasa dijawab soalan Ahli Yang Berhormat dari Petaling pada 12-10-78.

Tuan Chan Teck Chan: Soalan tambahan. Soalan saya ialah menyatakan apakah langkah-langkah yang positif telah diambil oleh Kerajaan untuk menggalakkan rakyat kita mengadakan kolej-kolej dan universiti-universiti yang berdikari sebagai salah satunya langkah yang berkesan untuk menolong Kerajaan mengatasi masalah kekurangan peluang bagi rakyat Malaysia. Di sini saya menggunakan contoh universiti sebagai contohnya tetapi di sini saya hendak tahu apakah pendirian dan sikap Kerajaan terhadap universiti swasta yang berdikari ini. Adakah Kerajaan akan menggalakkan dan apakah tindakannya?

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat ini terbahagi dua iaitu satu misalnya Universiti Merdeka. Yang pertama tadi itulah yang sudah dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Adakah hendak tambah lagi jawapannya?

Dato' Chan Siang Sun: Tidak. Kerajaan akan memberi peluang untuk membahaskan perkara ini.

PEMBALAK-PEMBALAK BUMIPUTRA

12. **Wan Zainab binti M. A. Bakar** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan adakah beliau sedar bahawa Jabatan Perhutanan telah memberi hak-hak membalak kepada pembalok-pembalok Bumiputra yang tidak mempunyai sebarang alat membalak tetapi sebaliknya setengah-setengah pembalok-pembalok Bumiputra yang mempunyai alat-alat untuk membalak tidak pula diberikan kawasan-kawasan untuk membalak; jika ya, apakah tindakan yang akan diambil.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Tamby Chik): Tuan Speaker, pertama sekali suka saya menjelaskan tentang soal kuasa

meluluskan permohonan kawasan membalak. Sebenarnya Jabatan Perhutanan samada di peringkat negeri dan daerah dan lebih-lebih lagi di peringkat Persekutuan tidak mempunyai sebarang kuasa untuk meluluskan mana-mana satu permohonan kawasan hutan untuk membalak. Semua kelulusan yang dimaksudkan itu adalah dilaksanakan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan dan Jabatan Perhutanan di peringkat Persekutuan yang terletak di bawah Kementerian saya adalah tidak terlibat langsung.

Kementerian saya sedar bahawa memang ada hak-hak membalak telah diberi kepada pembalok-pembalok bumiputra yang tidak mempunyai sebarang alat-alat membalak sebagai satu usaha untuk menggalakkan lebih ramai bumiputra menyertai kegiatan pembalakan. Kementerian Perusahaan Utama juga sedar bahawa ada kemungkinan pembalok-pembalok bumiputra yang mempunyai alat membalak telah tidak berjaya mendapat kawasan-kawasan membalak yang baru.

Walau bagaimanapun, oleh kerana persoalan-persoalan mengenai hutan termasuk kuasa pemberian kawasan membalak adalah terletak di dalam bidang kuasa Kerajaan-kerajaan Negeri sebagaimana diperuntukkan oleh Perlembagaan Malaysia, Kementerian saya tidak dapat mengambil apa-apa tindakan dalam hal ini.

Kementerian saya melalui Jabatan Perhutanan akan terus memberi nasihat-nasihat teknik kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan menyokong penuh supaya bumiputra yang berpengalaman dan berkelengkapan diberi pertimbangan utama dalam urusan menimbang dan meluluskan kawasan-kawasan membalak oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya berharap Setiausaha Parlimen yang berkenaan memberitahu Dewan ini setakat hari ini berapa banyakkah dari segi keluasan pemberian balak-balak yang telah dikeluarkan kepada pembalok-pembalok samada bumiputra dan bukan bumiputra, dan kalau juga dapat pada hari ini memberitahu Dewan ini berapa banyakkah pemberian ini diberi kepada pembalok-pembalok secara perseorangan dan juga secara perkongsian mengikut pecahan bumiputra dan bukan bumiputra.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, ini sudah tentu memerlukan notis.

Tuan Abdul Rahim bin Tamby Chik: Tuan Yang di-Pertua, maklumat pendek sahaja tentang soal tadi. Di Semenanjung Malaysia sejak 1971 hingga 1976 lebih kurang 5.5 juta ekar telah dibuka. Ini pukulrata yang dibuka pada tiap-tiap tahun ialah satu juta ekar setiap tahun. Manakala kira-kira satu juta ekar lagi telah dibuka dalam 1977.

Mengenai bumiputra lebih kurang 3.9 juta ekar ataupun 60% setakat ini telah diberikan kepada individu atau syarikat-syarikat bumiputra.

ASEAN—SIKAP VIETNAM

13. Tuan Lee Boon Peng minta Menteri Luar Negeri menyatakan samada perundingan-perundingan beliau dengan Timbalan Menteri Luar Negeri Vietnam, Encik Phan Hien di Kuala Lumpur pada bulan Julai telah berhasil dan samada Vietnam akan sekarang mengubah sikapnya terhadap ASEAN dan akan akhirnya menjadi ahli ASEAN.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri (Tuan Mohd. Kassim bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, rundingan pegawai-pegawai Kementerian saya dengan Timbalan Menteri Luar Negeri Vietnam pada bulan Julai lepas adalah berhasil. Encik Phan Hien telah menyatakan kesediaan Vietnam untuk berbincang dengan Malaysia serta negara-negara ASEAN lainnya mengenai cadangan Rantau Aman. Mengenai sikap Vietnam terhadap ASEAN sekarang ini, Ahli Yang Berhormat tentu sedar bahawa Perdana Menteri Pham Van Bong baharu saja selesai melawat Malaysia atas undangan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Datuk Hussein Onn dan akan tamat lawatan ke semua negara-negara ASEAN selepas melawat Singapura pada 16hb Oktober, 1978.

Soal keanggotaan Vietnam dalam ASEAN, biasanya dibincangkan oleh semua negara-negara anggota.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 14 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

PEPERIKSAAN PENILAIAN DARJAH LIMA

14. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian ini sedar kebanyakan murid-murid yang tidak berjaya dalam peperiksaan Penilaian Darjah Lima khasnya di luar bandar disebabkan oleh kelemahan dalam matapelajaran Bahasa Inggeris atau mata-mata pelajaran yang lain atau juga pertukaran guru-guru yang tidak teratur dan jika ya, apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengatasi perkara tersebut.

Dato' Musa Hitam: Peperiksaan Penilaian Darjah Lima (P.D.L.) bertujuan untuk menilai tentang kekuatan atau kelemahan murid-murid dalam matapelajaran-matapelajaran yang diuji; soal lulus atau gagal dalam peperiksaan P.D.L. bagi keseluruhannya tidaklah timbul.

Analisa keputusan mengikut jenis sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (dahulunya perantaraan Bahasa Inggeris) menunjukkan perlakuan dalam Bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan agak kurang memuaskan jika dibandingkan dengan perlakuan Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Inggeris). Perlakuan dalam matapelajaran-matapelajaran lain adalah tidak begitu membimbangkan.

Kementerian Pelajaran sedar akan keadaan ini dan langkah-langkah tegas untuk mengatasinya sedang dan telahpun diambil. Salah satu langkah dari segi penilaian ialah untuk mengesan kelemahan-kelemahan dalam Bahasa Inggeris pada awal-awal lagi supaya kerja-kerja pemulihan yang sewajarnya dapat dilakukan dengan berkesannya dan pelajaran Bahasa Inggeris di sekolah berkenaan dapat diperbaiki.

BANTUAN KEPADA ORANG PELARIAN

15. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) berapa ramaikah orang-orang pelarian yang masih ada di negara ini;

(b) negeri asal mereka dan di mana mereka ditempatkan sekarang; dan

(c) apakah jenis-jenis dan jumlah bantuan, kiranya ada, yang telah diterima daripada pihak-pihak luar daripada Malaysia.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):

(a) Pada masa ini ada seramai 92,788 orang pelarian yang masih diberi perlindungan sementara di negara ini;

(b) Orang-orang pelarian ini adalah berasal daripada Republik Sosialis Vietnam dan Filipina. Mereka ini di tempat seperti berikut:

(i) Kelantan

(ii) Trengganu

(iii) Pahang

(iv) Johor

(v) Sarawak

(vi) Sabah.

(c) Hanya bantuan dalam bentuk kewangan diterima daripada Pesuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Orang-orang Pelarian (United Nations High Commissioner for Refugees) melalui Persatuan Bulan Sabit Merah Malaysia. Segala perbelanjaan yang diperlukan bagi mendalihkan orang-orang pelarian ini seperti makan, minum, tempat tinggal dan sebagainya adalah diperolehi melalui bantuan kewangan ini. Setakat ini pihak Persuruhjaya Tinggi Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Orang-orang Pelarian telah membelanjakan sejumlah \$7,383,470.

SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN DI SABAH— PEMBINAAN

16. Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk Haji Asneh minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah pembinaan Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan di Weston, Gadong dan Kota Klias dapat dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini dan jika ya bilakah pembinaan dan jika tidak mengapa oleh kerana permohonan sudah dibuat bertahun-tahun yang lalu.

Dato' Musa Hitam: Sekolah Menengah Kebangsaan Weston sedang dibina dan dijangka siap awal tahun 1979. Tidak ada rancangan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina Sekolah Menengah Kebangsaan di Gadong dan di Kota Klias. Ini adalah kerana pada masa ini bilangan sekolah yang ada di sekitar kawasan tersebut adalah mencukupi untuk menampung bilangan pelajar di sana. Dua buah Sekolah Menengah Kebangsaan yang baru sedang di dalam pembinaan iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Mempagar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Kuala Penyu.

USUL-USUL

MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG AHLI PERSENDIRIAN AKTA PERWAKILAN RAKYAT 1978

3.34 *ptg.*

Tuan Lim Kit Siang (Petaling): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Peraturan Mesyuarat 49, saya bangun untuk mengemukakan satu usul untuk mendapat izin bagi mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Akta Perwakilan Rakyat 1978 untuk memperuntukkan bahawa warganegara-warganegara Malaysia yang telah meningkat usia 18 tahun berhak mengundi di dalam pilihanraya Parlimen dan Dewan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang di bawah Fasal 119 Perlembagaan Malaysia setiap orang warganegara berhak mengundi apabila beliau mencapai umur 21 tahun dan Perlembagaan ini telah digubal 21 tahun yang lalu, suatu masa di mana ada satu keadaan tidak percaya kepada pemuda-pemudi. Perubahan besar telah berlaku di Malaysia dan di dunia dalam decade baru ini, dan di Malaysia pun umur undang-undang (Legal Age of Majority) telahpun diturunkan daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Kalau seorang yang berumur 18 tahun boleh mempunyai dan menggunakan harta, saya rasa ini adalah sama di dalam perkhidmatan-perkhidmatan tentera, tidak ada sebab mengapa beliau tidak patut diberi hak mengundi dan menentukan arahan masyarakat dan negara kita.

Satu kajian yang cepat mengenai institusi-institusi Parlimen di dunia menunjukkan bahawa di dalam negara-negara yang majority umur mengundi ialah 18 tahun. Seumpama

Australia, Canada, Finland, France, Federal Republic of Germany, Netherlands, Pakistan dulu, United Kingdom, U.S.A., Sri Lanka, Zambia dan Sweden. Begitu juga dalam negara-negara Komunis pemuda-pemudi yang berumur 18 tahun mempunyai hak untuk menyertai di dalam proses undi mereka untuk menentukan institusi-institusi perwakilan. Point yang relevent bukan sama ada ini institusi-institusi demokratik tetapi di dalam negara-negara Komunis pemuda-pemudi yang sampai umur 18 tahun adalah dianggap setaraf dengan orang-orang dewasa di dalam mengadakan hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab politik.

Saya sedar bahawa ada orang berpendapat bahawa perkara memberi hak mengundi kepada pemuda-pemudi yang baru 18 tahun bukan satu langkah yang sewajarnya kerana mereka fikir bahawa pemuda-pemudi yang berumur baru 18 tahun tidak matang dan muda.

Saya tidak bersetuju oleh kerana saya rasa seorang yang berumur 18 tahun pada masa ini mempunyai pengetahuan yang luas, yang ada aspirasi-aspirasi dan harapan-harapan dan tidak ada lain yang lebih baik untuk mengajar mereka mengenai hak-hak dan tanggungjawab-tanggungjawab politik mereka selain daripada membenarkan mereka menyertai di dalam proses politik.

Perkara ini bukan satu issue yang kontroversal dan saya berharaplah perkara ini boleh dapat pertimbangan sewajarnya oleh setiap Ahli Yang Berhormat.

3.39 *ptg.*

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Usul ini.

Menurut Perlembagaan Malaysia, Article 119, hanyalah warganegara yang berumur 21 tahun barulah dilayakkan untuk mengundi bagi memutus dan mentadbirkan masa depan negara dan nasibnya sendiri. Tapi, rakyat Malaysia yang berumur 18 tahun ini telah dijemput untuk menyertai perusahaan pembinaan negara kita, baik di bidang perburuhan untuk membangunkan sosio-ekonomi negara kita, ataupun di bidang pertahanan untuk membela dan mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara kita.

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun dan melebihi 70% bilangan penduduknya adalah di bawah 29 tahun. Yang mustahak sekarang ialah bagaimanakah Kerajaan berusaha untuk membolehkan generasi baru yang dilahirkan selepas kemerdekaan ini merasai bahawa merekalah sebagai generasi yang memutus dan mentadbirkan masa depan negara yang dicintainya.

Saya fikir bahawa salah satu cara yang paling praktikal untuk menilai dan menghargai peranan dan sumbangan mereka ialah menjadikan mereka yang berumur 18 tahun ini sebagai pengundi dan pemutus masa depan negara kita. Sebenarnya kebanyakan negara-negara Eropah seperti Switzerland, United Kingdom atau Amerika Syarikat dan Australia, negara-negara Asia seperti Filipina, Indonesia, India, Sri Lanka dan negara-negara Komunis di Russia dan lain-lainnya pun mengamalkan satu sistem di mana rakyatnya yang berumur 18 tahun ini adalah layak dan dikehendaki untuk mengundi dan memutuskan apakah jenis dan bentuk Kerajaan yang diingini.

Sekiranya Malaysia ingin sekali melihat jenerasi baru ini lebih aktif dan bersemangat untuk menyertai perusahaan, pembinaan negara kita dan Kerajaan sekarang mahu melihat jenerasi baru ini mengambilalih pucuk pimpinan pentadbiran Kerajaan dalam masa yang akan datang, maka adalah lebih wajar bagi negara kita untuk menurunkan umur mengundi yang sekarang 21 tahun kepada 18 tahun supaya jenerasi baru ini dapat dimasukkan dalam aliran pembangunan negara kita baik di dalam bidang sosio-ekonomi ataupun di bidang pertahanan dengan lebih berdedikasi. Jika negara-negara yang membangun dan sedang membangun baik ianya dari negara-negara demokratik, negara-negara sosialis ataupun negara-negara komunis sudah membolehkan rakyatnya yang berumur 18 tahun ini mengundi, maka apakah sebabnya Malaysia hendak dikecualikan untuk membolehkan satu jenerasi yang baru yang berdedikasi dilahirkan untuk menjayakan matlamat pembangunan dan pembinaan negara kita. Maka saya berharaplah supaya usul yang mustahak dan mengakui kedudukan dan taraf pemuda-pemudi sebagai pemutus masa depan negara kita ini dapat disokong.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya ialah satu usul yang sudah disokong di bawah Peraturan Mesyuarat 49 (1), sebagaimana yang saya jelaskan pada minggu yang lalu lazimnya tidak dibahaskan. Sekarang saya jemput Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menjawab.

Perdana Menteri: Tuan Yang di Pertua, saya bangun untuk menentang usul ini dan saya tidak berhajat hendak bercakap panjang. Dan tentangan saya ke atas usul ini adalah beralas kepada dua alasan.

Pertama, Constitution—cara-cara peraturan.

Kedua, atas alasan bijak atau tidaknya kita mengadakan undang-undang memberi undi kepada orang yang sudah sampai umurnya 18 tahun. Tadi Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah menarik perhatian kita kepada Artikel 119 Perlembagaan Malaysia yang berbunyi:

“119. Kelayakan pemilih-pemilih.

- (1) Tiap-tiap warganegara yang—
 - (a) telah mencapai umur dua puluh satu tahun pada tarikh kelayakan; dan
 - (b) x x x x x x x x x adalah berhak mengundi”

Cadangan ini, Tuan Yang di-Pertua, hendak meminda atau mengadakan satu Private Member's Bill, Rang Undang-undang yang berlainan yang tidak menghiraukan peruntukan dalam Perlembagaan. Ini rasa saya salah peraturannya terutama sekali peruntukan dalam Artikel 119 Perlembagaan ini mesti dipinda dahulu, sebab tidak boleh Ahli Yang Berhormat itu dengan sewenang-wenangnya mengadakan Private Member's Bill, private law, menurunkan umur hak mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun, walhal di dalam Perlembagaan ini sudah termaktub iaitu umur yang dihadkan di dalamnya ialah 21 tahun. Jadi Perlembagaan ini mesti dipinda dan jika diberikan izin kepada Ahli Yang Berhormat membuat undang-undang persendirian, membenarkan orang yang berumur 18 tahun mengundi, ini akan bercanggah dengan undang-undang Perlembagaan dan undang-undang itu tidak sah.

Kedua, Tuan Yang di-Pertua, ini ialah mengikut pada pandangan masing-masing samada wajar atau tidak kita memberi hak

mengundi kepada orang yang kurang daripada 21 tahun. Dan kami mengaku iaitu perkara ini adalah debatable. Ahli Yang Berhormat dari Petaling telah memberikan contoh-contoh negara-negara lain yang ada peruntukan memberikan hak mengundi kepada orang 18 tahun ke atas dan subject ini adalah debatable. Tetapi perkara yang amat penting semacam ini dan bila masa Perlembagaan kita digubal, masalah hak mengundi dan umurnya tentulah ditimbang dengan mendalam dan jika hendak dipinda, misalnya Artikel 119 Perlembagaan itu hendak dipinda, tentulah pertama sekali hendaklah kita kaji dengan mendalamnya akibat-akibat, wajar atau tidak dengan keadaan yang ada di dalam negara kita pada masa ini dipinda Perlembagaan dahulu untuk menurunkan hak mengundi itu daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Seperti saya kata perkara itu debatable dan bagi pihak Kerajaan atas masalah itu kami tidak dapat menerima dengan terburu-buru secara yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Petaling, dengan sewenang-wenangnya mengadakan Private Member's Bill untuk meminda umur mengundi daripada 21 ke 18 tahun. Sebelum dikaji dengan mendalamnya untuk mengambil perhitungan dalam negara-negara seperti mana yang telah disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada peruntukan umur 18 tahun berhak mengundi. Tetapi kita hendaklah menyelidiki dengan mendalamnya keadaan di negara kita ini samada wajar atau tidak. Tetapi tentangan saya yang kuat ialah berkenaan dengan perkara bertentang dengan Artikel 119 Perlembagaan yang tidak boleh dipinda dengan menjalankan secara bil semacam ini. Peraturan itu mesti mengikut pindaan kepada Perlembagaan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menggulung hujah-hujah saya. Yang pertama, cadangan ini bukan bercanggah dengan Perlembagaan oleh kerana tentulah cadangan hendak mengadakan Private Member's Bill ini akan melibatkan pindaan kepada Artikel 119 Perlembagaan. Dan tidak ada apa-apa peruntukan di mana-mana yang mengatakan bahawa tidak ada satu pindaan kepada Perlembagaan atau satu peruntukan dalam Perlembagaan di dalam satu Rang Undang-undang oleh kerana

pindaan kepada Perlembagaan pun melalui Rang Undang-undang. Saya rasa ini adalah satu form sahaja, sebab apa yang lebih mustahak ialah isi dalam perkara ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya memberi penjelasan. Penerangan Ahli Yang Berhormat itu tidak tepat. Kalau ditengok di dalam usulnya, dia mengemukakan satu Rang Undang-undang Ahli Persendirian bernama Akta Perwakilan Rakyat 1978. Kalau kita meminda Perlembagaan, the long title and the short title, "Akta meminda Perlembagaan" Tajuk di sini mengatakan: Akta Perwakilan Rakyat 1978, bukan meminda Perlembagaan.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, adakah apa-apa peruntukan di mana yang mengatakan tidak ada satu Rang Undang-undang yang bersifat satu pindaan Perlembagaan dalam peruntukan itu yang tidak ada satu nama bill yang berlainan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya putuskan, saya beri ruling. Tiap-tiap satu undang-undang yang dibuat di Parlimen ini, mengikut Perlembagaan, tidak boleh bertentangan dengan Perlembagaan yang menjadi supreme law. Jadi kalau ada yang bertentang, tidak bolehlah, maknanya hendaklah ada usul meminda Perlembagaan dahulu, sudah dipinda Perlembagaan, barulah datang usul ini.

Tuan Lim Kit Siang: Itu akan disebutkan dalam Bill ini. Bill belum dikemukakan. Ini usul sahaja, minta izin.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah, itu ruling saya.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan tidak disetujui.

UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA D.Y.M.M. SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu Ucapan yang tidak se-pertinya dipersembahkan kepada Kebawah

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya—

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Rakyat Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang zalil daripada Majlis Dewan Rakyat mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih Kebawah Duli kerana Titah junjung kasih Kebawah Duli pada masa membuka Penggal Pertama Parlimen Yang Kelima.” (13hb Oktober, 1978).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sudah tiga hari perbincangan dalam soal ini berjalan dan seramai 15 orang Ahli telah mengambil bahagian dan mengikut jadual Persidangan ini, iaitu dua hari untuk Menteri menjawab kerana pada hari Jumaat, 20 haribulan ialah hari Ucapan Belanjawan, jadi hari Rabu dan Khamis sepatutnya Yang Berhormat Menteri menjawab, jadi cuma ada hari ini—Isnin dan Selasa. Tetapi oleh sebab ada ramai Ahli-ahli Dewan ini yang baru kali pertama yang belum lagi dapat memberikan ucapan ulungnya saya telah meminta supaya Yang Berhormat Menteri menjawab pada hari Khamis dan kalau perlu hari Rabu dilanjutkan Majlis Dewan ini bagi membolehkan dua atau tiga orang Menteri menjawab pada hari Khamis lepas daripada jam 6.30 petang. Ini untuk membolehkan Ahli-ahli Yang Berhormat lebih banyak lagi boleh bercakap.

Mengikut kira-kiranya hari ini sudah hilang 20 minit, jadi hari ini tinggal 160 minit. Ada dua hari lagi—Selasa dan Rabu, bermakna 360 minit—ada 520 minit untuk Ahli-ahli Yang Berhormat bercakap. Oleh sebab itu mulai pada hari ini saya hadkan tiap-tiap Ahli Yang Berhormat bercakap tidak lebih daripada 20 minit supaya membolehkan ada 26 orang Ahli boleh bercakap sekiranya tidak ada pula usul-usul lain—usul tergepar atau sebagainya di dalam urusan harian dalam Aturan Urusan Mesyuarat.

Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat cuba mematuhi peraturan ini supaya banyak lagi Ahli-ahli yang lain boleh mengambil bahagian di dalam perbahasan ini. Yang Berhormat Menteri-menteri sudah bersetuju atas permintaan saya supaya menjawab sepenuhnya

pada hari Khamis dan sekiranya perlu pada hari Rabu dilanjutkan Persidangan Majlis ini untuk membolehkan dua atau tiga orang Menteri menjawab pada hari Khamis. Sekarang bermakna tiga hari lagi termasuk hari ini bagi Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengambil bahagian.

Sekarang saya jemput Ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap. Saya beri peluang kepada Ketua Pembangkang dahulu bercakap.

3.55 ptg.

Tuan Lim Kit Siang: Pada mulanya boleh saya minta izin sedikit masa lebih oleh kerana ada beberapa issue yang saya hendak sentuhkan.

Tuan Yang di-Pertua: Sebagai Ketua Pembangkang, saya beri tambahan lima minit.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, Duli Baginda di dalam Titah Ucapan Diraja telah menyeru rakyat berbilang keturunan berganding bahu menyokong penuh usaha-usaha murni Perdana Menteri kita dalam memupuk semangat perpaduan di kalangan warganegara Malaysia. Seperti Baginda telah bertitah: “Perbezaan dari ciri-ciri keturunan, agama, kebudayaan dan fahaman politik hendaknya tidak diperbesar-besarkan sehingga membawa kepada perpecahan perpaduan”.

Malangnya, nasihat Baginda tidak diindahkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini semasa perbahasan-perbahasan diadakan sejak beberapa hari ini. Kita mendengar suara-suara yang bersikap tidak bertoleransi yang menolak hakikat bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang berbilang bangsa; kita juga mendengar suara-suara extremism dan perkauman yang secara menyeluruh tidak mengindahkan harapan dan aspirasi sah rakyat berbagai kaum di negara ini.

Selepas pilihanraya umum yang diadakan baru-baru ini di mana Parti D.A.P. telah memperolehi 700,000 undi di bawah keadaan-keadaan yang sangat tidak berdemokratik dan tidak adil, beberapa orang pemimpin Barisan Nasional telah melahirkan kebimbangan

mereka mengenai keputusan pilihanraya yang menurut mereka telah menunjukkan bahawa polarisasi kaum telah meningkat di negara ini.

Perkara bertingkatnya polarisasi perkauman ini telahpun dimuatkan di dalam akhbar-akhbar harian dan mingguan antarabangsa sehingga Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perindustrian telah bimbang perkara ini akan mensia-siakan usaha beliau untuk menarik pelabur-pelabur asing ke Malaysia. Beliau telah membidas akhbar-akhbar dan majallah-majallah asing ini kerana mereka telah menulis tentang "polarisasi" di negara ini sedangkan rakan-rakan sejawat beliau telah teriak-teriak mengenai hal ini.

Namun demikian, masalah polarisasi di Malaysia tidak boleh diharap akan lenyap hanya dengan membidas majallah-majallah asing ataupun berdiam mengenai masalah ini. Kita hanya boleh mengendalikan masalah pengurangan polarisasi dengan mengiktirafkan masalah berkenaan dan cuba menyelesaikan sebab-sebab yang mengakibatkan polarisasi kaum ini.

Pertama ingin saya menegaskan bahawa polarisasi di Malaysia berjalan mengikut dua peringkat. Pertama, adanya polarisasi mengikut lunas-lunas perkauman dan kedua terdapat polarisasi mengikut lunas-lunas kelas.

Polarisasi kaum di Malaysia telah dicipta bukan oleh keputusan pilihanraya umum 1978 tetapi oleh kelalaian dan sikap acuh tak acuh yang "long-standing" terhadap tuntutan-tuntutan dan aspirasi-aspirasi sah rakyat semua kaum di Malaysia.

Polarisasi kaum hendaklah dihentikan dan ia hanya boleh dihentikan dengan pengiktirafan oleh Kerajaan bahawa rasa ketidakpuas hati kaum ujud di negara ini dan ini hendaklah diselesaikan.

Kami di dalam Parti D.A.P. sedia memberi segala bantuan dan kerjasama untuk membantu usaha Kerajaan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam mengurangkan polarisasi di masyarakat kita—tetapi kita tidak boleh mendiamkan diri terhadap kelalaian dan sikap acuh tak acuh yang berterusan terhadap kesulitan-kesulitan rakyat yang sepatutnya diselesaikan oleh Kerajaan.

Ingin saya menegaskan di sini bahawa kami di dalam Parti D.A.P. tidak kurang patriotic dan committed kepada negara Malaysia, kerana ini adalah negara tumpah darah kami. Kami ingin melihat sebuah Malaysia yang berharmoni, bersatupadu, damai, makmur, adil, saksama dan bebas.

Mungkin kami akan mempunyai pandangan-pandangan dan pendapat-pendapat yang berlainan tetapi kami tidak menduga integrity dan kesetiaan kami dipersoalkan oleh sesiapa.

Di sini, ingin saya membicarakan empat bidang di mana usaha-usaha dan sikap-sikap baru hendaklah dibuat dan diambil oleh rakyat Malaysia jika kita hendak mencapai kemajuan dalam usaha mengurangkan polarisasi di negara ini.

1. *Politik dan Pimpinan Politik*

Kita sedang melihat suatu keadaan yang anih di mana parti-parti komponen di dalam Barisan Nasional menyeru orang-orang China bersatupadu sebagai orang-orang China, orang-orang Melayu bersatupadu sebagai orang-orang Melayu, dan orang-orang India bersatupadu sebagai orang-orang India dan di samping membuat demikian mereka ini menuduh orang-orang lain sebagai "racialist" dan "communal". Ini mungkin menjelaskan mana satu parti yang bertanggungjawab mencipta dan melanjutkan polarisasi kaum di negara ini.

Satu lagi sebab yang mengakibatkan polarisasi kaum di negara ini ialah kesiapsediaan beberapa orang pemimpin politik tertentu yang memutarbelitkan setiap perkembangan dengan memberikan "racial twist" kepada perkembangan tersebut.

Satu contoh yang nyata ialah pencadang usul ini, Ahli Yang Berhormat bagi kawasan Balik Pulau, ketika merujuk kepada perkara enam orang Ahli Dewan Undangan D.A.P. di Negeri Perak yang telah mengikut keputusan yang dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Perak dan dengan demikian tidak mengambil sumpah kedua iaitu sumpah ketaatsetiaan kepada Sultan Perak menurut peruntukan-peruntukan Perlembagaan Negeri Perak.

Kami telahpun menjelaskan bahawa kami tidak berniat menunjukkan bahawa kami tidak menghormati Sultan Perak dan kami

juga telahpun memohon ampun dari Sultan Perak sungguhpun dari segi undang-undang dan Perlembagaan ke enam-enam orang Ahli Dewan Undangan Negeri Perak kami itu telah mengikut peruntukan-peruntukan yang termaktub di dalam Perlembagaan Negeri Perak. Malangnya, terdapat orang-orang seperti pencadang usul ini yang hendak memberikan "racial twist" kepada insiden yang tidak di sengaja itu dan cuba mencipta sentimen-sentimen dan emosi-emosi perkauman.

Baru-baru ini di Negeri Melaka, Dewan Undangan Negeri Melaka yang baru telah memulakan penggal urusannya tanpa menjemput Tuan Yang di-Pertua, Negeri Melaka untuk mengisytiharkan pembukaan sidang Dewan tersebut. Adalah mujur Kerajaan Negeri Melaka ditadbirkan oleh UMNO kerana jika sekiranya Kerajaan Melaka tersebut di bawah tadbiran Parti D.A.P., saya pasti tuduhan-tuduhan akan dilemparkan terhadapnya, tuduhan-tuduhan bahawa Parti D.A.P. mencuba menghapuskan sistem kesultanan ataupun sistem Gabenor.

Saya sangat terkejut mendengar ucapan-ucapan yang sangat berbau perkauman yang dilafazkan di dalam Dewan ini sejak tiga hari yang lalu.

Saya merujuk terutama sekali kepada ucapan yang dilafazkan oleh Ahli bagi kawasan Kinabalu, di mana sungguhpun beliau itu adalah seorang Ahli Parlimen Bebas adalah diketahui ramai beliau itu merupakan "stalking-horse" untuk Parti BERJAYA dan juga merupakan suara merupakan Ketua Menteri Sabah. Saya pasti setiap perkataan yang dilafazkan oleh beliau

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, tidak usah sebutkan Ahli Yang Berhormat yang lain sebagai "stalking-horse" dan sebagainya.

Tuan Lim Kit Siang: Ya. Bahawa tidak boleh dinafikan kerana tidak dapat diresuai oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah.

Pertamanya, ingin saya menyebutkan di sini bahawa dalam masa sembilan tahun saya menjadi Ahli Dewan ini, saya tidak pernah mendengar satu ucapan yang lebih racialist daripada ucapan yang dilafazkan oleh Yang Berhormat dari Kinabalu.

Beliau telah menyalahgunakan hak keistimewaan Dewan ini untuk mengipas emosi-emosi perkauman yang amat "primitive". Beliau telah menyeru supaya sekolah-sekolah China dan India ditutup dan juga bahasa-bahasa yang selain daripada Bahasa Malaysia diharamkan daripada digunakan di papan-papan tanda. Beliau telah juga menyeru jika sekiranya cadangan-cadangannya itu didapati bercanggah dengan jaminan Perlembagaan supaya pindaan dibuat terhadap Perkara 152 Perlembagaan Malaysia di mana Perkara 152 itu menjaminkan "kegunaan bebas" bahasa-bahasa lain.

Pada tahun 1971, Kerajaan telah meminda Perlembagaan dan membuatkan empat perkara sebagai "sensitif", sekiranya empat-empat perkara ini dipersoalkan maka ia akan merupakan satu kesalahan hasutan yang boleh mengakibatkan orang yang disabitkan salah itu selain daripada lain-lain perkara dilucut daripada memegang jawatan terpilih yakni "elected office". Immunity Parlimen tidak dikenakan untuk empat-empat perkara "sensitif" ini.

Salah satu dari empat perkara yang sensitif ini ialah Perkara 152 Perlembagaan Malaysia mengenai kedudukan Bahasa Malaysia sebagai Bahasa Rasmi dan kedudukan terjamin bahasa-bahasa lain sepertimana termaktub dalam Perkara 152 (1) (a) bahawa "no person shall be prohibited or prevented from using (otherwise than for official purposes), or from teaching or learning, any other language", dan Perkara 152 (1) (b) menyebut "nothing in this Clause shall prejudice the right of the Federal Government or of any State Government to preserve and sustain the use and study of the language of any other community in the Federation".

Tuan Yang di-Pertua, Ordinan Hasutan sepertimana dipinda oleh Ordinan Dharurat No. 45 tahun 1970 menghalang persoalan perkara-perkara sensitif seumpama itu. Pindaan tersebut telah mentafsirkan "kecenderongan hasutan" (seditious tendency) sebagai:

"(f) to question any matter, right, status, position, privilege, sovereignty or prerogative established or protected by the provisions of Part III of the Federal Constitution (i.e. provisions relating to citizenship) or Article 152 (National Language and other languages), Article 153 (special

position of the Malays and the legitimate interests of the other communities) or Article 181 (the sovereignty of Rulers) of the Federal Constitution”.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Ordinan Hasutan memperuntukkan lagi bahawa berkait dengan mana-mana perkara, hak, taraf, kedudukan, hak istimewa, kedaulatan ataupun budibicara, suatu perbuatan, ucapan, perkataan-perkataan, penerbitan ataupun lain-lain perbuatan akan dianggap sebagai hasutan sungguhpun ianya mempunyai kecenderongan untuk:

- “(i) to persuade the subjects of any Ruler or the inhabitants of any territory governed by the Government to attempt to procure by lawful means the alteration of any matter in the territory of the Ruler or governed by such Government as by law established; or
- (ii) to point out, with a view to their removal, any matters producing or having a tendency to produce feelings of ill-will and enmity between different races or classes of the population of Malaysia”.

Ertinya ialah satu cadangan hendak meminda keempat-empat peruntukan ini ialah satu perbuatan sensitif.

Ahli dari Kinabalu dalam ucapannya menyeru supaya sekolah-sekolah China dan Tamil ditutup, pengharaman dikenakan ke atas kegunaan bahasa-bahasa lain di papan-papan tanda dan beliau juga telah menyeru supaya Perkara 152 dipinda di mana Perkara tersebut telah menjamin bahasa-bahasa lain. Beliau secara terang-terang telah menyoal Perkara 152 dan mencabar salah satu dari empat perkara yang “sensitif”. Ucapan beliau itu adalah di dalam lingkungan Ordinan Hasutan kerana ucapan beliau itu yang bertujuan menghapuskan jaminan Perlembagaan untuk bahasa-bahasa lain seperti mana termaktub dalam Perkara 152 telah menimbulkan perasaan bersakit-sakit hati dan bermusuhan-musuhan di antara satu kaum dengan satu kaum di dalam negara ini.

Saya menyeru Yang Berhormat Peguam Negara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri untuk memulakan tindakan polis dan mengambil tindakan undang-undang terhadap Ahli dari Kinabalu supaya menunjukkan kepada

rakyat bahawa apa yang terjamin dan termaktub sebagai perkara sensitif di dalam Perkara 152 bukan sahaja bahagian pertama mengenai Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tetapi juga bahagian kedua berkait dengan jaminan Perlembagaan mengenai kedudukan bahasa-bahasa lain.

Kami juga ingin tahu samada undang-undang dilaksanakan secara adil terhadap Ahli-ahli Parlimen Pembangkang mahupun Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional termasuk Ahli-ahli Parlimen yang menerima ilham dari Barisan Nasional seperti Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu.

Saya berharap Peguam Negara dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri akan ketika mengulung perbahasan ini memberitahu Dewan ini samada mereka masing-masing sedang mengambil tindakan atas ucapan yang dibuat oleh Ahli dari Kinabalu yang secara terang-terang menyoalkan salah satu dari empat perkara sensitif yang termaktub “entrenched” di dalam Perlembagaan Malaysia.

Di dalam ucapannya Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu telah menyebut bahawa orang-orang bukan Melayu di Malaysia adalah “orang asing” dan beliau menyindir dan menyimpulkan bahawa orang-orang bukan Melayu sebagai mempunyai sikap “what is mine is mine, and what is yours is also mine”. Beliau seolah-olah membayangkan bahawa orang-orang bukan Melayu bukan sahaja tidak bertanggungjawab, tamak dan eksploitasi tetapi mereka juga tidak lain daripada perompak-perompak.

Saya terkejut perkataan-perkataan seumpama ini dilafazkan di dalam Dewan ini yang bukan sahaja bertentangan dengan Peraturan Majlis Mesyuarat No. 36 (10) tetapi ucapan beliau itu telah menimbulkan emosi kaum dan perasaan bermusuhan-musuhan. Ucapan-ucapan seperti inilah yang memperisaikan dan memecahbelahkan negara kita.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat Ahli dari Kinabalu telah memetik dua petikan yang substantial dari Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Dr Mahathir Mohamad, sungguhpun Ahli berkenaan tidak memberitahu Dewan ini dari sumber manakah beliau mendapat perkataan atau petikan-petikan tersebut.

Sekarang saya telah mendapati bahawa kedua-dua petikan tersebut telah diambil secara "word-for-word" dari sebuah buku yang diharamkan bernama "The Malay Dilemma" karangan Dr Mahathir Mohamad. Buku ini dikarang oleh Dr Mahathir ketika beliau berada dalam "political wilderness" selepas kealahannya dalam pilihanraya umum 1969.

Ini sekali lagi merupakan penyalahgunaan hak keistimewaan Dewan ini oleh Ahli Yang Berhormat dari Kinabalu kerana beliau telah memetik daripada sebuah buku yang diharamkan. Oleh kerana Jawatankuasa Hak dan Kebebasan belum lagi ditubuhkan, saya secara rasmi meminta Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil perhatian tentang penyalahgunaan hak keistimewaan ini merujuk perkara ini kelak kepada Jawatankuasa Hak dan Kebebasan.

Sungguhpun Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda telah menekankan betapa pentingnya sikap "toleransi" di dalam masyarakat kita yang berbilang bangsa, saya tidak lihat sikap ini di dalam ucapan sulung Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu.

Sebagai "teaming up" dengan Ahli dari Kinabalu, Ahli dari Ulu Trengganu telah berucap tentang "penderhakaan terhadap cita-cita bahasa sudah sampai kepada puncak yang tidak patut lagi kita toleratekan". Beliau juga telah berucap tentang "perbuatan mengkorapkan bahasa" dalam Dewan yang mulia ini dan bercadang supaya perubahan-perubahan hendaklah dibuat di dalam Undang-undang Pilihanraya untuk menghendaki setiap calon lulus satu ujian Bahasa Malaysia yang akan disediakan oleh satu panel dianggotai oleh pakar-pakar dalam Bahasa Malaysia.

Jika sekiranya terdapat ujian Bahasa Malaysia seumpama itu, pasti saya akan gagal. Tetapi bukan sahaja saya akan gagal untuk bertanding untuk pilihanraya Parlimen, tetapi saya percaya semua ahli-ahli dari MCA, Gerakan, MIC, SUPP dan juga semua ahli yang bukan Melayu akan gagal dalam ujian tersebut dan oleh demikian tidak akan dapat bertanding di dalam pilihanraya sebagai calon Parlimen.

Saya tidak pernah mengikuti pelajaran formal untuk Bahasa Malaysia kerana semasa saya menuntut kerana ia tidak diajar sebagai

satu matapelajaran yang serius. Saya percaya ini juga sama dengan Menteri-menteri dan Ahli-ahli bukan Melayu. Tetapi kami berdaya usaha untuk mempelajari dan bertutur dalam Bahasa Malaysia dan oleh kerana Bahasa Malaysia ialah Bahasa Kebangsaan serta Bahasa Rasmi. Saya tidak menduga jenerasi yang dilahirkan selepas Merdeka dan juga jenerasi-jenerasi berikut tidak akan menghadapi kesukaran untuk menguasai Bahasa Malaysia tetapi untuk menyukarkan jenerasi yang dilahir sebelum Merdeka dengan memaksakan mereka mengambil ujian Bahasa Malaysia sebelum mereka mengambil tempat di bidang awam di mana ujian tersebut akan dijalankan oleh pakar-pakar dalam Bahasa Malaysia, saya rasa merupakan "intolerance" yang amat sangat.

Saya tidak memahami apakah Ahli Yang Berhormat dari Ulu Trengganu bermaksud apabila beliau menyebut tentang "penderhakaan terhadap cita-cita bahasa" kerana jenerasi Malaysia yang dilahirkan selepas Merdeka akan fasih dalam Bahasa Malaysia. Saya juga tidak memahami apakah beliau bermaksud apabila beliau berkata tentang "perbuatan mengkorap bahasa". Apakah penggunaan istilah Inggeris "corrupt" dalam kata-kata "perbuatan mengkorap bahasa" salah satu daripada "perbuatan mengkorap bahasa" di dalam Dewan ini?

Semasa perbahasan atas Titah Ucapan Di Raja, tidak sehari pun lalu dimana seorang ahli dari UMNO akan bangun dan menyoal ketaatsetiaan kaum pendatang yang disebutkan oleh Ahli Parlimen dari Tumpat. Ini adalah amat menyedihkan dan mengejutkan. Pertamanya, ianya menggambarkan kegagalan dasar-dasar pembinaan negara di Malaysia sungguhpun kita telah merdeka selama 21 tahun.

Kedua, dan ini adalah lebih penting, ucapan-ucapan dan kenyataan-kenyataan seperti itulah yang menjadi "the daily sustenance and aggravating agent" polarisasi kaum di negara ini. Sikap syak wasangka dan musuh seperti mana digambarkan dalam ucapan-ucapan ini hanya boleh "endanger counter-distrust, syak wasangka dan bermusuhan".

Dalam sebuah masyarakat yang berbilang bangsa seperti Malaysia istilah-istilah seperti "tidak taat setia" tidak boleh digunakan dengan bebas dan sewenang-wenangnya.

kerana istilah-istillah tersebut adalah sensitif dan beremosi dan istilah-istillah ini membenarkan emosi-emosi mengatasi fikiran waras.

Tidak ada yang lain lebih berlawanan dan menjadi halangan besar kepada integrasi kebangsaan dan pembinaan negara bagi orang-orang bukan Melayu merasa bahawa mereka dianggap sebagai "tidak setia" kepada negara apabila sebenarnya mereka ini tidak mempunyai ketaatsetiaan kepada lain-lain negara dan Malaysialah tanah air mereka. Juga tidak akan membantu usaha menyatupadukan rakyat berbilang kaum jika sekiranya orang-orang bukan Melayu dianggap secara tidak hormat sebagai "kaum pendatang". Saya seumpamanya seperti juga sebilangan besar rakyat Malaysia yang bukan Melayu tidak pernah memikirkan diri sebagai "kaum pendatang" tetapi sebagai rakyat Malaysia yang dilahir, diperbesarkan dan akan mati di sini. Kesimpulan yang dapat dibuat akibat istilah-istillah ini ialah mereka yang berkuasa hanya mementingkan untuk memecahbelahkan rakyat di Malaysia ke dalam golongan-golongan yang lebih dan juga ujudkan golongan-golongan kecil iaitu sub-groups sedangkan apa yang perlu dibuat ialah untuk mengdisolvekan bahagian-bahagian ini dan membuatnya satu.

Perkataan "tidak taat setia" itu merupakan satu perkataan yang berapi dan "divisive" terutama sekali apabila istilah tersebut digunakan secara sebarang untuk meliputi semua kaum-kaum ataupun digunakan untuk meliputi orang-orang bukan Melayu.

Apakah ertinya "tidak taat setia" (disloyal)? Apakah ini bererti "tidak taat setia" kepada Barisan Nasional ataupun "tidak taat setia" kepada negara Malaysia? Apakah ianya bermakna "tidak taat setia" kepada satu doctrine berbau perkauman ataupun "tidak taat setia" kepada sebuah masyarakat yang berbilang bangsa seperti Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, siapakah orang-orang yang boleh menderhaka? Apakah kaum pandatang sahaja boleh menderhaka? Apakah orang-orang Melayu tidak akan menderhaka? Jika kita lihat di merata-rata tempat di seluruh dunia terdapat orang-orang Inggeris yang tidak taat setia kepada negeri England, adakah orang-orang Itali yang

boleh tidak taat setia kepada negara Itali, orang-orang Egyptians yang tidak taat setia kepada negara Mesir, orang-orang India yang tidak taat setia kepada negara India, orang-orang China yang tidak taat setia kepada negara China atau orang-orang Indonesia yang tidak taat setia kepada negara Indonesia.

Kita tahu perkara tidak taat setia atau penderhaka kadang kala berlaku di dalam masyarakat yang 'homogenous' juga kerana jika hal ini tidak berlaku istilah "tidak taat setia" dan "penderhaka" ini tidak akan mempunyai makna dan tidak akan digunakan di dalam sebuah masyarakat yang "homogenous".

Perkataan "tidak taat setia" hendaklah digunakan berkait dengan orang-orang dan kejadian-kejadian tertentu sahaja dan ianya hendaklah digunakan kepada orang-orang yang didapati bersalah kerana penderhakaan di dalam sebuah mahkamah undang-undang. Jika sekiranya sesuatu kaum dibenarkan melamparkan tuduhan-tuduhan "tidak taat setia" secara indiscriminately terhadap kaum lain, maka "unreason" atau fikiran tidak waras akan mengoncoangkan negara ini.

Perkara pertama yang saya ingin sentuh tentang usaha-usaha untuk mengurangkan polarisasi kaum di negara ini ialah di dalam arena politik usaha-usaha hendaklah dibuat oleh pemimpin-pemimpin politik dan ahli-ahli politik untuk berkelakuan secara insaf untuk mengurangkan polarisasi kaum dan bukan dengan mengeluarkan perkataan-perkataan dan percakapan-percakapan yang tidak bertanggungjawab dan menggunakan sebarang istilah-istillah yang hanya akan memburukkan polarisasi kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya mahu sebut sedikit mengenai pelajaran. Oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada beri satu jaminan, iaitu memberi peluang untuk mengadakan satu perbahasan untuk cadangan universiti Merdeka, saya tidak berniat untuk bercakap sebenarnya dalam perkara ini, tetapi oleh kerana dalam dua-tiga hari ini ada Ahli Yang Berhormat yang memberi pandangan yang berasas misperception atau fikiran yang tidak benar, saya rasa, saya mahu bercakap menitikberatkan tiga perkara.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada dua minit lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ada 5 minit lagi bukan?

Tuan Yang di-Pertua: Ada 2 minit lagi. Ahli Yang Berhormat mula bercakap pukul 3.53, jadi pukul 4.17 selesailah.

Tuan Lim Kit Siang: Yang pertama bahawa Universiti Merdeka sebenarnya untuk mengembangkan peluang-peluang pelajaran tinggi untuk semua kaum dan bukan untuk satu kaum.

Yang kedua, bahawa mengikut prinsip expanding bukan sahaja expanding economic cake tetapi juga expanding educational cake.

Yang ketiga, Universiti Merdeka yang dicadangkan bukanlah satu universiti China tetapi media bahasanya adalah dalam semua bahasa untuk semua pelajaran-pelajaran daripada semua keturunan. Ini bukan satu universiti China tetapi adalah sebuah universiti Malaysia.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Untuk penjelasan. Bukankah surat rayuan yang dihantar oleh Merdeka Universiti Sdn. Bhd. kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong nyata dan terang menyatakan di dalam permohonan untuk menubuhkan Universiti Merdeka bahawa bahasa pengantar Universiti Merdeka itu ialah bahasa Tionghua, iaitu di dalam permohonan kepada Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong?

Tuan Lim Kit Siang: Jika Ahli Yang Berhormat teliti permohonan itu, beliau akan dapat tahu bahawa bukan satu bahasa digunakan sebagai bahasa pengantar sahaja.

Yang Ketiga, pembentukan Universiti Merdeka ialah selaras dengan jaminan Article 152 dan perkara ini tadi saya ada sebut bahawa peruntukan ini tidak boleh dicabarkan mengikut undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya tamatkan ucapan, saya mahu kemukakan satu perkara. Baru-baru ini pada hari Sabtu dan Ahad yang lalu ada pihak guru-guru sementara yang mengajar di sekolah-sekolah

China di mana lebih kurang 800 orang guru-guru sementara ini sedang berpiket di Kementerian Pelajaran sejak dua hari yang lalu dan juga termasuk hari ini.

Mereka ini telah menyerahkan satu memorandum kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, dan meminta beliau :

- (i) membenarkan guru-guru sementara yang berpengalaman yang tidak mempunyai kelayakan dalam Bahasa Malaysia untuk menyertai kursus SRC tahun depan kerana terdapat ramai guru-guru sementara yang mempunyai pengalaman selama 18 tahun;
- (ii) menjalankan kursus SRC ini sehingga semua guru-guru sementara telah menyertai di dalam kursus tersebut;
- (iii) hentikan segala percubaan untuk meningkatkan kelayakan-kelayakan untuk memasuki kursus SRC itu. Mereka yang telah berkhidmat sebelum 1hb Februari tahun lalu hendaklah dibenarkan menyertai kursus tersebut; dan
- (iv) terus upah guru-guru sementara ini sehingga kesemua mereka ini selesai mengikut kursus SRC itu.

Tuntutan-tuntutan mereka ini adalah adil dan menasabah dan saya menyeru Yang Berhormat Menteri Pelajaran memberi pertimbangan dan berjumpa dengan perwakilan-perwakilan mereka supaya tuntutan-tuntutan dapat pertimbangan yang sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Masanya sudah sampai, campur 5 minit dan campur yang 2 minit.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya berucap sedikit mengenai jentera pentadbiran?

Tuan Yang di-Pertua: Oh! Itu panjang.

Tuan Lim Kit Siang: Ini sangat mustahak.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam perbahasan budget nanti boleh bercakap lagi. Cukuplah masa itu.

Tuan Lim Kit Siang: Terima kasih.

4.21 ptg.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin (Sepang): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri menyokong penuh di atas usul yang dibawa oleh Yang Berhormat wakil dari Balik Pulau.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Baginda, saya tertarik hati di atas suatu kenyataan yang dibuat iaitu yang berbunyi seperti demikian:

Dalam bidang hubungan luar negeri, Kerajaan Beta akan terus mengutamakan kerjasama serantau Asia Tenggara dan berusaha lagi untuk mewujudkan Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali.

Tuan Yang di-Pertua, Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali tidak boleh diwujudkan, kecuali negara-negara berkuasa—negara-negara besar menyokong dan menjaminnya, seperti Amerika Syarikat, Soviet Russia dan Republik Rakyat China. Di dalam perkara ini, saya suka menyentuh di atas suatu perkara yang mana Parlimen Russia baharu-baharu ini telah mengundang Tuan Speaker sendiri untuk melawat negara Russia, dan Tuan Speaker telah menerima jemputan itu dan membawa beberapa orang Ahli-ahli Parlimen untuk menyertai rombongan itu dan saya mengucapkan terima kasih kerana telah diberi peluang untuk menyertai rombongan Tuan Speaker.

Rombongan yang diketahui oleh Tuan Speaker ini, pada pendapat saya telahpun mencapai suatu kejayaan yang begitu besar dan baik dan kalau diizinkan, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah di atas kebijaksanaan Tuan Speaker membawa rombongan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi tempoh bercakap 20 minit juga. (*Ketawa*)

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Serta menaikkan imej Parlimen kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, rombongan yang telah pergi ke Russia itu, pada pendapat saya, telah diberi suatu layanan yang istimewa dan pihak yang menjemput iaitu Pengerusi Parlimen Russia telahpun rasa saya dengan jujur dan ikhlas dan bersungguh-sungguh memberi segala layanan bagi menjayakan lawatan itu, dan pada pendapat

saya juga bahawa lawatan itu telah mengiratkan hubungan di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Soviet Russia amnya dan khususnya mengiratkan hubungan di antara Parlimen Russia dan juga Parlimen Malaysia kita ini. Dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa Tuan Speaker pula menjemput Pengerusi ataupun Speaker Parlimen Russia tahun hadapan ke Malaysia ini sebagai lawatan balas terhadap beliau kepada negara kita, itu satu cadangan daripada saya.

Dan melalui perjumpaan-perjumpaan yang telahpun diadakan di masa lawatan rombongan itu yang diketuai oleh Tuan Speaker sendiri dengan pemimpin-pemimpin Soviet Russia, saya telah dapati bahawa pemimpin-pemimpin Soviet Russia benar-benar berkehendakkan keamanan. Daripada apa yang saya telah dengar daripada ucapan-ucapan rasmi pemimpin-pemimpinnya dengan rombongan itu, mereka nampaknya sudah serek dengan penderitaan peperangan. Mereka telah melalui beberapa peperangan dan sudah pun rasa terok sangat mengalami penderitaan peperangan maka oleh itu mereka sekarang menjadi suatu negara yang menganjurkan keamanan dan benar-benar berkehendakkan keamanan bukan sahaja pada negara mereka tetapi keamanan bagi seluruh dunia termasuklah rantau Asia Tenggara kita ini. Dengan sikap yang begitu, pada pendapat saya mereka ini berkehendakkan keamanan di dunia ini, maka saya berpendapat bahawa kita harus pinta mereka menyokong dan memberi jaminan kepada konsep Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah berkali-kali mengesyorkan dan termasuk dalam Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada pendapat saya, inilah ketikanya yang paling baik negara kita mendapatkan sokongan dan jaminan daripada negara-negara besar termasuk Russia, Republik Rakyat China dan juga Amerika Syarikat. Dan dengan adanya sokongan dan jaminan negara-negara dari kuasa-kuasa besar ini baharulah bererti dan bermakna Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali.

Kalau negara-negara besar ini tidak memberi sokongan dan jaminan dan tidak mengiktiraf Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali, saya fikir kawasan ini tidak ada besar sangat hasilnya. Dan daripada apa yang saya perlihatkan daripada sikap dan

daripada ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin besar negara Soviet Russia daripada lawatan rombongan itu, maka jelas sekali kalau kita usaha sekarang ini, saya yakin dan percaya sekurang-kurangnya Kerajaan Soviet Russia akan menyokong mengiktiraf dan memberi jaminan kepada Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali yang telahpun menjadi tonggak dasar luar negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga berharap dalam Dewan ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan yang beliau telah menerima jemputan untuk melawat negara Republik Rakyat China. Saya berharap dalam lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Republik Rakyat China, soal ini juga diharap akan ditimbulkan dan untuk mendapat jaminan negara China pula dengan memberi sokongan dan jaminan kepada Kawasan Aman, Bebas dan Berkecuali kita.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum daripada rombongan kita melawat ke Russia itu, saya telah mengadakan sedikit home-work dan saya telah dapati dari segi imbalan perdagangan dan perindustrian—balance of payment—kita adalah in favour kepada negara Malaysia. Negara Russia lebih banyak mengimpot barang-barang kita terutama getah daripada kita mengambil masuk barangan mereka. Sungguhpun demikian, pemimpin-pemimpin Russia telah menyatakan bahawa mereka tidak berhajat sekali pun, tidak ada berniat sekali pun untuk hendak memberhentikan ataupun mengurangkan pengimpotan getah asli kita, sungguhpun mereka sudah sampai kesuatu kemajuan sains yang mereka boleh mengadakan, memproses getah tiruan yang sama nilainya dengan getah asli. Ini suatu kenyataan yang amat mengembirakan dan pada pendapat saya ini membuktikan keinginan Kerajaan Russia bersahabat dan terbaik-baik dengan negara kita oleh kerana mereka begitu sanggup hendak menolong kita dari segi pembelian getah. Sungguhpun mereka boleh mengeluarkan getah tiruan yang sama nilainya dengan getah asli, tetapi mereka telah mengatakan yang mereka tidak akan mengurangkan pembelian getah asli kita yang mereka beli begitu banyak sekali daripada

negara kita. Jadi sekali lagi saya mengucapkan tahniah di atas kejayaan yang pada pendapat saya yang ikhlas adalah sedikit sebanyak disebabkan kewibawaan Tuan Speaker sendiri dalam lawatan baru-baru ini.

Di samping itu, saya suka menyentuh satu perkara yang juga menarik perhatian saya berkenaan dengan kedutaan kita di Russia. Sepanjang lawatan rombongan Parlimen di Russia itu, yang terutamanya Duta Malaysia kita sentiasa berada dengan rombongan. Ini satu contoh yang patut diberi pujian dan daripada apa yang saya perlihatkan efficiency, kebolehan Duta kita di Russia amat tinggi dan saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Duta kita dan seluruh kakitangan Kedutaan kita di Russia yang telah menunjukkan minat mereka bekerja dan berkhidmat bagi negara kita. Dan di sini saya dapat pula membuat satu perbezaan Tuan Speaker, kalau diizinkan, kerana rombongan kita selepas melawat ke Russia secara rasmi pergi pula melawat secara rasmi ke United Kingdom, England. Apa yang saya perlihat dan terperanjat ialah apabila rombongan yang diketuai oleh Tuan Speaker sampai di lapangan terbang Heathrow tiada satu pegawai tinggi daripada Pesuruhjaya Tinggi kita menunggu, sekurang-kurangnya ada di situ untuk menerima lawatan rasmi rombongan Parlimen ini yang diketuai oleh Tuan Speaker sendiri. Ini amat mendukacitakan saya. Memang benar rombongan ini tiada para-para Menteri dan Timbalan-timbalan Menterinya, itu bukan pula saya hendak

Tuan Yang di-Pertua: Ada seorang Timbalan Menteri.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Ada seorang Timbalan Menteri. Maaf. Tiada Menteri-menteri tetapi sungguhpun demikian, saya fikir kerana yang datang itu adalah rombongan Parlimen yang diketuai oleh Tuan Speaker sendiri, sekurang-kurangnya Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Malaysia di United Kingdom mesti menunggu rombongan itu di lapangan terbang.

Saya amat berasa sedih kerana saya fikir kehormatan Dewan ini terjejas dengan tidak adanya seorang pegawai tinggi yang memberi kehormatan kepada rombongan Parlimen ini, rombongan lawatan rasmi Parlimen ini yang diketuai oleh Tuan Speaker sendiri. Saya sungguh-sungguh berharap bahawa Tuan

Speaker mengambil perkara ini sebagai satu perkara serius dan memanjangkan perkara ini sebagai perasaan kurang puas hati Dewan ini di atas layanan yang telah diberi oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi kita di England. Bukan setakat itu sahaja, Tuan Speaker, kerana sepertimana yang Tuan Speaker sedia maklum rombongan itu telah pun mengadakan satu perundingan, perbincangan dengan seluruh ketua-ketua dan wakil-wakil ketua persatuan-persatuan pelajar-pelajar di United Kingdom. Di perjumpaan itu semua wakil-wakil pelajar ada di situ dan rombongan ini yang diketuai oleh Tuan Speaker sendiri telah mengadakan satu dialog memberi peluang kepada ketua-ketua pelajar, wakil-wakil pelajar kita untuk memberi maklumat di atas perkara-perkara susah dan rumit yang mereka hadapi, masalah-masalah yang sudah pasti memang ada di kalangan pelajar-pelajar kita di sana.

Di dalam perjumpaan yang saya rasa begitu indah, dalam perjumpaan yang begitu rupa yang mana semua ketua-ketua kesatuan-kesatuan pelajar ada, sekali lagi tidak ada seorangpun wakil daripada High Commission kita, daripada Pesuruhjaya Tinggi kita di United Kingdom. Apakah mereka anggap perjumpaan yang diaturkan di antara rombongan Parlimen itu dengan seluruh ketua-ketua persatuan-persatuan pelajar di United Kingdom tidak penting? Apakah Pesuruhjaya Tinggi kita di sana menganggap bahawa mereka sudah mengetahui semua masalah-masalah pelajar hingga tidak perlu lagi mereka hadir di dalam perjumpaan seperti itu kerana mereka sudah tahu semua masalah-masalah pelajar di negeri itu? Saya yakin dan percaya sekiranya ada seorang wakil daripada Pesuruhjaya Tinggi kita di dalam perjumpaan itu, saya percaya banyak perkara-perkara yang telah dipanjangkan oleh pelajar-pelajar kita di sana dapat dipanjangkan kepada pihak-pihak yang berkenaan. Malangnya wakil tiada. Maka sungguhpun demikian tidak apalah kerana Ahli-ahli Parlimen ada, maka kamilah akan cuba memanjangkan segala kemusykilan dan kesusahan pelajar-pelajar yang telahpun diuraikan begitu panjang, tetapi jikalau diizinkan saya Tuan Speaker, membuat sedikit komen, ketidakhadiran wakil daripada Pesuruhjaya Tinggi kita di United Kingdom menunjukkan sikap

atau pendekatan mereka terhadap masalah-masalah pelajar-pelajar di sana, seolah-olah mereka meringan-ringankan masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar kita di United Kingdom.

Saya minta maaf kalau saya agak terlanjur sedikit di dalam komen saya, tetapi saya memberi komen ini bukan kerana saya tidak suka kepada kedutaan kita di United Kingdom, tetapi kerana saya berkehendakkan supaya sekiranya ada kelemahan-kelemahan, yang saya fikir ada, maka ini harus diperbaiki dengan seberapa cepat yang boleh. Dan saya sungguh-sungguh berharap bahawa Pesuruhjaya kita di United Kingdom dapat memperbaiki dan diperbetulkan, supaya perkara macam ini tidak molek diterus dan hendaklah diubah.

Tuan Speaker, di dalam Parlimen ini saya juga turut berdukacita kerana thema Parlimen kali ini nampaknya ada unsur-unsur perkauman. Kalau kita bandingkan suasana Parlimen kali ini dengan Parlimen-parlimen yang lain yang pernah saya hadiri, berlainan sekali dan sifat Parlimen kali ini nampaknya begitu banyak menimbulkan issue perkauman. Tetapi yang menyebabkan perkara ini berlaku, pada pendapat saya ialah parti Pembangkang, parti DAP. Kita mula-mula sahaja bersidang di Parlimen ini, perkara yang pertama yang dibawa ialah satu usul yang betul-betul perkauman.

Ucapan yang pertama yang dilafazkan oleh Ketua Pembangkang dalam mengusulkan usul itu di Dewan ini, tidak tahulah saya hendak menyatakan, amat menyedihkan. Oleh kerana ucapan yang pertama, oleh kerana usul itulah maka selepas itu ucapan-ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini banyak menimbulkan unsur-unsur perkauman tetapi yang mula mencetuskan perkara ini ialah sahabat saya daripada pembangkang. Mereka yang duduk di sebelah sinilah yang telah memulakan thema Parlimen kita pada kali ini dan daripada ucapan-ucapan mereka selepas daripada itu nampaknya mereka pula berasa dukacita: Mengapakah Parlimen kita ini begitu rupa, mengapakah banyak Ahli-ahli Yang Berhormat berucap banyak menimbulkan issue yang rasanya kurang menyenangkan hati? Mereka pula yang susah hati. Mereka yang memulakan perkara ini, sekarang mereka pula yang susah hati, kurang senang hati

dengan ucapan, umpamanya ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kota Kinabalu. Kalau tidak dengan ucapan daripada parti-parti pembangkang khususnya DAP, kalau tidak adanya usul yang dibawa oleh parti pembangkang itu, saya tidak percaya Ahli Yang Berhormat dari Kota Kinabalu akan berucap seperti demikian. Beliau berucap seperti yang beliau telah berucap disebabkan oleh ucapan-ucapan yang dilafazkan oleh wakil-wakil rakyat daripada DAP terutama sekali semasa mereka mengemukakan usul yang telahpun ditolak oleh Dewan yang mulia ini bersabit dengan kuasa hendak menubuhkan universiti swasta.

Tuan Speaker, sungguhpun parti-parti komponen dalam Barisan Nasional setengah-setengah keanggotaannya terhad daripada satu kaum, itu merupakan satu kenyataan. Tetapi perjuangan parti-parti dalam Barisan Nasional, perjuangan Barisan Nasional tidak perkauman. Sungguhpun keanggotaannya terhad kepada satu-satu kaum tetapi perjuangannya, tindak-tanduknya, cara ia bergerak, cara ia berjuang, perkara-perkara yang dianjurkannya tidak perkauman. Sebaliknya parti DAP sungguhpun keanggotaannya tidak terhad kepada satu-satu kaum tetapi perjuangannya, perkara-perkara yang dianjurkannya, perkara-perkara yang dichampionkannya adalah semuanya perkauman belaka. Yang pokok Tuan Speaker, bukannya keanggotaan satu-satu parti, yang pokoknya ialah perjuangan satu-satu parti. Yang penting, dengan izin, bukan "form" parti itu tetapi "substance" parti itu. Kalau kita hendak menentukan sesuatu parti itu ianya perkauman atau tidak, bukannya kita pandang kepada formnya tetapi kita pandang kepada isi, kepada substance, kepada apa yang diperjuangkan oleh parti dan daripada apa yang boleh kita kaji dari segi perjuangan.

Di dalam Dewan ini nyata bahawa perjuangan Parti D.A.P. perkauman sama sekali sungguhpun keanggotaannya tidak terhad kepada satu-satu kaum. Sebaliknya sungguhpun keanggotaan parti-parti dalam Barisan Nasional ada daripadanya yang terhad kepada satu keturunan sahaja tetapi perjuangannya adalah nasional, perjuangannya adalah untuk semua bangsa, perjuangannya adalah kebangsaan, nusantara, Tuan Speaker.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat ada satu setengah minit lagi.

Tuan Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin: Tuan Speaker, saya akan cuba menghabiskan ucapan saya di dalam masa lingkungan satu setengah minit.

Tuan Speaker, pada 22 haribulan seperti mana yang telah dinyatakan oleh Wakil dari Petaling satu mesyuarat akan diadakan di Hotel Hilton yang mana dijangka akan dianggotai atau dihadiri oleh beberapa banyak pertubuhan-pertubuhan daripada satu kaum. Masa diadakan perjumpaan ini amat tidak kena. Baru sahaja Dewan yang mulia ini, Parlimen ini adalah badan Perundangan yang paling tinggi di negara kita, di mana setiap-pemimpin-pemimpin parti terutama dalam Barisan Nasional telah menyatakan penolakan mereka atas usul yang hendak membolehkan penubuhan universiti swasta, setelah suatu keputusan dibuat oleh wakil bagi seluruh Malaysia kita ini, pada 22 haribulan suatu lagi perjumpaan juga hendak diadakan untuk hendak membincangkan perkara yang sama. Apakah ini baik? Apakah ini akan menimbulkan satu prasangka? Apakah perjumpaan pada 22 haribulan itu akan menyinggung perasaan setengah-setengah pihak dan setengah-setengah golongan? Apakah gunanya, apakah motif, apakah kesan yang akan wujud daripada perjumpaan pada 22hb Oktober itu?

Saya amat bimbang apa yang akan berlaku dan saya fikir ramai daripada rakyat Malaysia sedang menunggu dan melihat pada 22hb Oktober apa yang akan berlaku dan dalam hal ini tiap-tiap aksi ada reaksinya, tiap-tiap perbuatan ada yang timbul reaksinya dan saya berdoa moga-moga perjumpaan 22hb Oktober, itu tidak akan menimbulkan apa-apa reaksi yang boleh menjejaskan perpaduan dan keamanan negara Malaysia kita ini. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mesyuarat ini ditempokkan selama 20 minit.

Persidangan ditempokkan pada pukul 4.43 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.05 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, perbincangan ini disambung semula. Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar.

5.06 ptg.

Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali (Kuala Kangsar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memohon izin mengambil bahagian dan menyokong usul merafak sembah dan menjunjung kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada Perasmian Penggal Pertama Parlimen Kelima.

Tuan Yang di-Pertua, kali pertamanya saya bangun di Dewan yang mulia ini terlebih dahulu saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai ketua Parti Barisan Nasional yang memberi peluang kepada saya untuk bertanding dalam pilihanraya dan berjaya bagi mewakili kawasan saya Kuala Kangsar juga mewakili golongan wanita seluruh Negeri Perak duduk di dalam Dewan ini untuk memberikan ucapan menyokong di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia itu, yang mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah banyak memberi perhatian yang berat kepada unsur-unsur yang membawa Kerajaan ke arah bertanggungjawab bagi memelihara keharmonian rakyat dan pemimpin-pemimpinnya walau apa juga corak politiknya supaya dapat melupakan perasaan fahaman politik masing-masing itu dihilangkan. Maka dengan jalan inilah satu daripada cara yang boleh mencerminkan usaha-usaha kita dapat diperolehi dan dapat disalurkan dasar itu ke matlamatnya sehingga kita tidak menjejaskan di atas cita-cita Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri, bahawa Kerajaan yang berjiwa rakyat yang mempunyai tenaga yang baru itu adalah sangat sesuai dengan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa yang ke hadapan ini saya yakin dan percaya bahawa pentadbiran Kerajaan di negara ini akan menjadi sebuah negara perekonomian yang tinggi kerana melihatkan kecekapan dan kepintaran pucuk pimpinan dan juga Menteri-menteri di bawah pimpinan Yang Amat

Berhormat Perdana Menteri itu sangatlah menggalakkan. Saya berharap kepada Yang Berhormat Menteri-menteri supaya dapat memainkan peranan di dalam kekuasaannya itu benar-benar boleh memberikan harapan dan kepercayaan kepada rakyat di negara ini walau apa fahaman dan keturunannya. Rakyat pada hari ini sangat dahaga untuk meninggikan taraf hidup samada meninggikan taraf hidup itu cara persendirian ataupun melalui agensi-agensi dan swasta terutamanya rakyat yang khasnya duduk di luarbandar, kerana saya nampak lebih 80% daripada kita yang duduk di dalam Dewan yang mulia ini kemenangan itu datang daripada tangan rakyat di luarbandar. Kerana cita-cita Kerajaan Duli Yang Maha Mulia itu mahu meninggikan taraf hidup mengikut unsur-unsur Kerajaan berjiwa rakyat untuk melaksanakan berbagai-bagai rancangan dan rancangan itu dapat diteruskan pada taraf hidup rakyat yang boleh membangun dan membina bukan sahaja kebuktian itu ada tetapi mencapai hasilnya itu masih ada yang tertungtunggu apa lagi kalau rakyat itu miskin dan menderita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah kemiskinan di kalangan rakyat perlu diberikan perhatian sewajarnya oleh pihak berkuasa sebelum ia menjadi satu masalah yang sukar diatasi kelak. Sekiranya soal ini tidak diatasi sebelum ia menjadi social problem dikhuatiri anasiran-anasir anti-nasional akan menggunakan isu ini untuk mengecam Kerajaan. Kita mendapati kebanyakan kemiskinan berpunca dari pengangguran. Adalah difikirkan lojik soal pengangguran ini diberikan keutamaan yang sewajarnya. Pengangguran seperti ini dapat diperbaiki keadaannya menerusi latihan-latihan tertentu yang dibekalkan kepada pemuda-pemudi kita yang tidak mencapai matlamat persekolahan mereka yang lebih tinggi. Mereka ini hendaklah terlebih dahulu diberikan latihan di bidang-bidang profession tertentu yang boleh menjaminkan mata pencarian di masa depan mereka. Yang lelakinya hendaklah dilatihkan dengan kerja-kerja kemahiran seperti pertukangan kayu, mekanik, gunting rambut, tailoring dan sebagainya dan yang perempuannya dilatihkan dengan kerja-kerja yang sesuai dengan sifat peribadi mereka. Oleh itu Kerajaan hendaklah mendirikan lebih banyak lagi sekolah-seumpama ini untuk kepentingan golongan yang tersebut.

Kita mendapati disebabkan kekurangan profession seperti ini di kalangan pemuda-pemudi, mereka yang melakukannya sanggup melibatkan diri menghisap dadah, menjadi perompak dan sebagainya. Mereka sanggup berbuat demikian kerana mereka hendak mengisiskan masa lapang mereka untuk mendapatkan wang sedikit sebanyak. Yang perempuannya untuk mendapatkan wang sanggup melacurkan diri atau bekerja di bar-bar dan di rumah-rumah urut. Sudah pasti bahawa semua mereka yang terlibat ini merupakan mereka dari golongan yang menganggur dan miskin. Rancangan-rancangan tanah seperti FELDA yang ada sekarang hendaklah diperluaskan lagi supaya nikmatnya dapat dialami oleh semua orang yang memerlukan tanah untuk mendirikan rumah mereka dan bercucuk tanam. Untuk menghasilkan matlamat ini banyak lagi kawasan-kawasan hutan hendaklah diusahakan seberapa boleh. Lebih dari $\frac{2}{3}$ bumi Malaysia ini diliputi dengan hutan-rimba. Ada baik juga dijadikan kawasan tersebut sebagai ladang kelapa sawit, kebun-kebun getah, sawah-sawah padi bagi memberi menafaat kepada mereka yang tidak bekerja.

Tuan Yang di-Pertua, pihak MARA misalnya hendaklah berhati-hati sebelum memberikan pinjaman. Adalah difikirkan mereka yang benar-benar jujur untuk meninggikan ekonomi dan berniaga sahaja diberikan pinjaman wang itu. Hari ini kita mendapati ramai golongan yang berada mengambil kesempatan ini untuk membeli barang-barang yang boleh membazirkan demi kepentingan diri mereka sahaja. Soal ekonomi dan kemiskinan perlu diperjuangkan supaya ia tidak menjadi masalah yang sukar diatasi nanti.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyentuh satu lagi perkara dalam Dewan yang mulia ini ialah tentang kemudahan tempat membaca, umpamanya di kawasan saya sendiri di Kuala Kangsar tidak terdapat kemudahan-kemudahan khutub-khanah bagi penduduk-penduduk yang kebanyakannya terdiri dari golongan miskin yang tidak mampu membeli buku-buku dan majallah-majallah yang diperlukan. Keadaan ini saya rasa dialami oleh penduduk-penduduk di lain-lain kawasan luar bandar di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Anak-anak kita yang masih di bangku sekolah bukan sahaja memerlukan

bahan-bahan bacaan untuk membantu mereka dalam pelajaran masing-masing tetapi juga tempat pembacaan yang selisa di mana mereka dapat membuat home work tanpa gangguan dari mana-mana pihak. Memandangkan bahawa jenerasi muda ini adalah bakal penganjur di masa depan dan dengan itu keperluan mereka ini patutlah dipenuhi. Maka saya rasa adalah penting perkembangan khutub-khanah di negeri-negeri Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dirancang dengan lebih rapi lagi supaya tiada terdapat perbezaan di antara satu kawasan dengan satu kawasan yang lain di dalam sebuah negeri, umpamanya kawasan bandar dan luar bandar dan juga di antara negeri-negeri di sebelah Pantai Barat dan negeri-negeri di sebelah Pantai Timur, Sabah dan Sarawak. Walaupun saya menekankan di atas tentang peri mustahaknya kemudahan khutub-khanah yang sempurna kepada kanak-kanak dan belia ini bukan bererti keperluan pihak dewasa dapat diabaikan, malah keperluan golongan ini juga tidak kurang pentingnya.

Berasaskan kepada alasan-alasan di atas saya ingin mengesyorkan pihak Kementerian yang berkenaan untuk mengambil langkah-langkah dengan segera bagi menjamin kemudahan-kemudahan khutub-khanah dirasai oleh semua penduduk-penduduk di negara ini. Saya juga ingin mengesyorkan kemudahan tersebut supaya satu blueprint pembangunan khutub-khanah bagi jangka masa 20 tahun akan datang dirangka untuk tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya menyokong penuh di atas usul menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau.

5.17 ptg.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad (Baling): Tuan Yang di-Pertua, saya sukacita untuk turut mengambil bahagian dalam usul membahaskan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Saya sungguh tertarik hati setelah 21 tahun merdeka kita masih lagi berbicara mengenai perpaduan antara kaum dan dalam masa 21

tahun itu kita masih belum menemui asas untuk perpaduan itu. Ini adalah menunjukkan bahawa dasar-dasar mengenai perpaduan kaum yang selama ini dijalankan di bawah amanat yang diberi oleh rakyat kepada Barisan Nasional menandakan dan menunjukkan kegagalan-kegagalan yang nyata.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar dalam ucapan pada hari Jumaat yang lalu telah mengemukakan asas perpaduan kaum menurut pandangan parti DAP. Di antaranya ialah menjadikan demokrasi sebagai cara hidup dengan pengertian biarkan setiap kebudayaan berkembang dan tumbuh subur dengan bebas serta menghapuskan ikatan-ikatan yang menafikan hak asasi manusia. Tetapi saya tidak percaya bahawa demokrasi dapat dijadikan asas perpaduan kerana demokrasi terdedah kepada berbagai-bagai pentafsiran mengikut selira golongan-golongan yang pada akhir membawa kepada perpecahan. Untuk menyuburkan demokrasi pada pandangan DAP ialah dengan menghapuskan Akta Keselamatan Dalam Negeri misalnya. Tetapi pada pandangan Barisan Nasional melaksanakan Akta tersebut penting untuk memperkukuhkan demokrasi.

Pendeknya, demokrasi sekarang ini tidak mempunyai makna tetap tetapi mempunyai berbagai-bagai makna ditafsirkan mengikut kepentingan golongan masing-masing. Lebih merbahaya lagi demokrasi yang hendak dijadikan asas perpaduan oleh DAP diberi juga makna membiarkan setiap kebudayaan kaum berkembang dengan subur dan bebas. Ini suatu anjuran yang menghancurkan dalam konteks Malaysia. Bagaimana perpaduan akan tercapai sekiranya kaum-kaum dalam negeri ini mempunyai matlamat masing-masing di dalam mendokong cita-cita negara. Pada pendapat saya, kita mestilah mencari asas yang tidak boleh dan tidak ditafsirkan dengan sewenang-wenangnya. Kita harus mencari asas yang lebih teguh dan lebih sempurna dari demokrasi yang difahamkan dengan berbagai corak mengikut selira masing-masing.

Di antara asas-asas yang dikehendaki itu ialah keadilan. Bagi saya keadilan merupakan suatu yang paling unggul dan tepat untuk menjadi asas sebarang tindakan yang berperni kemanusiaan, yang bertamaddun dan yang layak sebagai tindak-tanduk manusia untuk kebaikan manusia dan masyarakatnya. Keadilan mempunyai makna yang tidak dapat

ditafsirkan dengan sewenang-wenang seperti mana kata seorang "Libnitz" pujangga: "Adalah sia-sia orang hendak menetapkan makna keadilan mengikut pendapat dan kaedah yang ditetapkannya sendiri". Justeru makna keadilan itu diambil daripada ciptaan yang maha pencipta, diilhamkan daripada kejadian alam ini yang dijadikan oleh Allah s.w.t. dengan meletakkan sesuatu pada tempatnya dan meletakkan sesuatu pada tempatnya itulah erti dan makna keadilan yang sebenarnya. Daripada sinilah diambil prinsip-prinsip keadilan yang lain, di antaranya ialah memberikan hak kepada yang berhak.

Perkataan hak membawa erti the right dan juga the truth. Kedua-duanya merupakan unsur-unsur keadilan itu iaitu the right itu mestilah berasaskan the truth. Hakikat kebenaran ini tidak dapat diputarbelitkan untuk kepentingan golongan. Kerana itu, keadilan paling layak dijadikan asas perpaduan.

DAP dalam mengemukakan konsep perpaduannya, ke Dewan ini sudah dengan kesimpulan yang telah ditetapkan terlebih dahulu dan maksudnya ialah untuk membolehkan kebudayaan kaum yang diperjuangkannya ditempatkan pada tempatnya yang tinggi, walaupun tuntutan itu tidak adil dipandang dari sudut keadilan dan sejarah. Adalah tidak adil meletakkan kebudayaan emigrant di tempat yang lebih tinggi daripada yang sebenarnya atau hendak meletakkan sama dengan kebudayaan tempatan. Kerana keadilan bukan bermakna menyamaratakan segala-gala. Kalau sekiranya saya mempunyai dua orang anak dan saya akan memberikan hadiah kepada mereka. Kalau sekiranya anak saya itu seorang anak lelaki dan seorang perempuan, bukanlah bermakna keadilan sekiranya saya berikan untuk kedua-duanya songkok. Malah keadilan ialah jika sekiranya saya membelikan kepada mereka itu dua perkara yang bersesuaian dengan mereka. Dengan itu nyatalah bahawa keadilan itu bukanlah menyamaratakan segala-galanya. Kalau kasut, walau bagaimana mahal sekalipun sudah tentu tidak layak diletakkan di kepala dan songkok itu walaupun begitu murah layak di tempatnya yang di atas iaitu di kepala kerana itu jika kita hendak menyesuaikan masalah perpaduan kita perlu hanya ada satu kebudayaan yang menjadi asas perpaduan kaum.

Kebudayaan ini merupakan gabungan dari berbagai-bagai kebudayaan dan diambil dari aspek-aspek yang murni dari kebudayaan kaum di negara ini dengan berindukkan kebudayaan tempatan yang mana Islam sebagai terasnya. Setiap ciri kebudayaan kaum ditempatkan pada tempatnya dan setiap hak diberikan kepada yang berhak. Pendeknya kebudayaan yang hendak dibentuk itu hendaklah berasaskan kepada keadilan. Orang mungkin berkata kalau dijadikan kebudayaan tempatan sebagai induk maka orang-orang yang bukan bumiputra tidak akan berpuas hati dengan keadaan itu. Untuk menyelesaikan masalah ini maka perlu kepada asasnya yang ketiga iaitu akhlak yang universal mestilah diperkembangkan di dalam kehidupan kita dan diperteguhkan di dalam masyarakat. Dengan itu orang-orang yang tidak berpuas hati daripada kaum-kaum bukan bumiputra akan mengetahui sejarah mereka dan siapakah mereka yang sebenarnya. Apabila mereka tertakluk kepada akhlak-akhlak ini maka mereka tidak akan melakukan tuntutan-tuntutan yang berlawanan dengan keadilan iaitu menempatkan kebudayaan mereka di tempatnya yang layak dan bukan di tempat yang lain sepertimana yang dituntut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda juga telah menyentuh masalah keamanan dan juga jenerasi muda kita. Saya yakin bahawa jenerasi muda sekarang ini memerlukan suatu keadaan yang aman, satu keadaan dan suasana yang tenteram dan juga lebih daripada itu mereka memerlukan keamanan dan ketenteraman itu dirasai bukan hanya dilaung-laungkan sahaja. Wujudnya keamanan belum bererti keamanan itu dapat dirasai sekiranya ada penyalahgunaan kuasa di dalam masyarakat itu dan jika sekiranya pemerintah bertindak sewenang-wenangnya di dalam menghadapi warganegara-warganegara yang tidak mempunyai pandangan yang serupa dengan pihak pemerintah. Hakikat penyalahgunaan kuasa ini memang wujud dalam negara ini.

Pada hari Selasa yang lalu, di Dewan ini kita dapat melihat contoh penyelewangan kuasa oleh Kerajaan Sabah dan Sarawak yang menyekat kemasukan dua orang Ahli Parlimen dari Semenanjung. Timbalan Menteri Dalam Negeri telah tidak dapat

memberikan alasan-alasan yang munasabah untuk membenarkan tindakan seumpama itu. Memanglah penyalahgunaan kuasa kering dari alasan-alasan akal dan budi kerana penyalahgunaan kuasa itu dilakukan mengikut nafsu. Lagi sekali saya menekankan bahawa kita memerlukan bukan sahaja keamanan, tetapi keamanan itu hendaklah dirasai dan ini tidak mungkin boleh dicapai melainkan sekiranya Kerajaan bersikap adil terhadap semua rakyat termasuk daripada golongan-golongan yang mempunyai pandangan yang berbeza dengan pandangan pemerintah.

Memang lumrah kita dapati sekarang ini kalau sekiranya Kerajaan telah menggunakan istilah-istilah yang kabur untuk menjadi alasan bagi menindas dan menekan pandangan-pandangan yang mempunyai perbezaan dengan pandangan-pandangan Kerajaan. Istilah-istilah yang digunakan misalnya anti-nasional, anti-Kerajaan dan sebagainya. Kalau sekiranya Kerajaan tidak menyukai beberapa tindakan pelajar-pelajar, maka Kerajaan akan menggunakan istilah anti-nasional ataupun pro-kominis ataupun anti-Kerajaan dan sebagainya untuk dijadikan alasan bagi menekankan golongan-golongan ini. Begitu juga kalau sekiranya Kerajaan tidak suka dan tidak enak dengan tindakan-tindakan golongan-golongan pendakwah misalnya, alasan-alasan ini juga digunakan. Dan baru-baru ini Kerajaan telah menggunakan pula istilah yang sama terhadap parti PAS dan mengistilahkannya sebagai merbahaya daripada kominis. Adakah ini suatu persediaan untuk menafikan hak-hak parti ini untuk menyuarakan pendapat-pendapat dan memperjuangkan keyakinannya?

Tuan Yang di-Pertua, dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga disentuh mengenai pengaruh ideologi asing. Ini adalah suatu perkara mustahak. Tetapi sejauh manakah langkah-langkah telah diambil untuk menjamin jenerasi baru kita itu tidak mudah diresapi oleh fahaman-fahaman asing yang bertentangan dengan prinsip-prinsip akhlak kebenaran dan juga keadilan serta kebebasan kita. Adakah Kerajaan pernah menunjukkan kepada jenerasi baru itu manakah yang dianggap asing dan tidak asing sehingga jenerasi baru itu dapat diberikan bimbingan yang sewajarnya. Jika ditinjau ke dalam bidang pendidikan di sekolah-sekolah sebagai

panduan berkesan untuk menjalankan bimbingan-bimbingan kepada jenerasi baru, kita dapati masih nyata kekeliruan dalam menetapkan yang asing dan yang bukan asing dalam pemikiran dan kebudayaan.

Pendidikan yang berhubung rapat dengan kebudayaan itu tidak diketahui arah yang sebenarnya. Justeru, masalah kebudayaan nasional itu masih tidak dapat diselesaikan. Jenerasi yang baru muncul yang diasuh di sekolah-sekolah sebenarnya belum mengenali yang asing dan yang bukan asing. Kekeliruan ini dideritai juga oleh Kementerian dalam menentukan dasar-dasarnya.

Ambil sahaja uniform sekolah sebagai contoh yang dekat. Pendedahan aurat bukan satu kebudayaan Islam, bukan pula kebudayaan China dan Tamil, tetapi dalam menentukan uniform sekolah, Kementerian Pelajaran menjadikan pakaian membuka aurat itu sebagai asas padahal bentuk pakaian seumpama itu sebenarnya merupakan tradisi penjajahan. Kalau di dalam masalah pakaian sahajapun pihak berkuasa terjerumus ke dalam kekeliruan ini bagaimana halnya dengan masalah pemikiran dan akidah dan cara hidup yang luas.

Dalam usaha membentuk akidah kita tahu rakyat kita berpegang teguh kepada kepercayaan ketuhanan. Ahli-ahli Yang Berhormat cubalah membaca satu buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka yang berjudul "Keajaiban Atom". Setelah pengarang buku ini menerangkan fenomena atom yang sangat berguna dibaca itu ia menyelitikan dalam kesimpulan perbicaraannya satu kepercayaan yang bertentangan dengan kepercayaan ketuhanan. Ia menyarankan bahawa keanihan dan kehalusan kejadian atom itu bukan dijadikan oleh Allah s.w.t., tetapi semata-mata pemberian nature. Tetapi buku ini dikeluarkan oleh Dewan Bahasa untuk bacaan tambahan di sekolah-sekolah yang dibaca oleh anak-anak kita. Contoh yang saya sebutkan tadi yang menunjukkan bagaimana ideologi asing itu meresap masuk ke dalam pemikiran anak-anak kita ialah sebuah buku sains. Kalau sekiranya dilihat majallah-majallah hiburan, sastera-sastera picisan yang banyak dijual di kedai-kedai buku, samada diterbitkan dalam atau di luar negeri, kita akan dapat melihat gambaran yang lebih menakutkan lagi. Kita lebih lagi tidak merasakan keselamatan

pegangan dan akidah anak-anak kita. Sudahlah begitu permit-permit untuk mengeluarkan majallah hiburan ini mudah pula didapati. Lebih jauh mudahnya dari mendapatkan permit-permit untuk mengeluarkan majallah-majallah yang berunsurkan agama, pemikiran kemasyarakatan dan berbentuk pemikiran yang kritis.

Dalam ucapan ini saya juga akan menyentuh mengenai masalah pembangunan. Tuan Yang di-Pertua, memanglah pembangunan itu suatu yang mustahak dalam kehidupan kita. Yang saya maksudkan pembangunan ialah pembangunan meningkatkan kesempurnaan insan di dalam kehidupannya, bukan sahaja dalam aspek lahiriah tetapi juga aspek pemikiran akhlak dan ciri kehidupan rohaniah. Pembangunan tidak dapat diukur hanya dari beberapa banyak kota-kotarnya didirikan, berapa banyak pencakar langit didirikan, berapa banyak mahligai diwujudkan, berapa besar kereta yang dimiliki, berapa indah dan cantiknya dewan permesyuaratan seperti ini. Tetapi yang lebih penting dari itu ialah pembangunan diukur dari apakah jenis manusia yang tinggal di dalam kota-kota itu, apakah jenis manusia yang menghuni mahligai-mahligai dan pencakar-pencakar langit itu. Sebab itulah kita perlu melihat pembangunan dari aspek yang menyeluruh, yang memusatkan pemutaran dan roda bergeraknya disekitar manusia itu sendiri. Yang kita kehendaki sebenarnya ialah pembangunan yang membangun bukan pembangunan yang meruntuhkan. Kita tidak seharusnya menerima pembangunan itu dengan bangunan yang indah tetapi di dalamnya dipenuhi kegiatan-kegiatan yang meruntuhkan budi, akhlak dan rasa tanggungjawab serta keadilan. Kita tidak dapat terima kampung-kampung Melayu di Pulau Pinang yang diruntuhkan dan penduduk-penduduknya dihalau keluar tanpa pembelaan yang sewajarnya untuk didirikan di atasnya, di atas runtuh dan kehancuran kampung-kampung itu Hotel Rasa Sayang yang semarak di dalamnya kegiatan-kegiatan maksiat atas nama pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua: Manakah dapat tahu? Ahli Yang Berhormat sudah pernah mengingap di situkah?

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Itu memang lumrah sudah diketahui, tak payah dibuktikan.

Pembangunan mestilah diasaskan atas dasar keadilan dan kebenaran, perimbangan antara aspek-aspek kebendaan dan kerohanian mestilah diwujudkan dalam kita mencapai pembangunan yang sebenarnya. Tetapi perimbangan yang dimaksudkan bukan mencampur-adukkan antara kebenaran dan kepalsuan sepertimana yang ditegaskan di dalam Al-Quran: *Wala-taktumul haqqa bil batil, wataktumul haqqa, wa-antum taklamun.* Yang bermaksud: Janganlah kamu mencampur-adukkan kebenaran dengan kepalsuan dan kamu menyembunyikan kebenaran itu, pada hal kamu mengetahui.

Perimbangan yang dimaksudkan bukan bermakna seperti pada hari ini. Tempat-tempat perjudian dibenarkan atau didirikan, dan besoknya masjid pula ditegakkan untuk mengimbangnya. Perimbangan yang dimaksudkan ialah kepatuhan kedua-duanya; kedua-dua aspek rohaniah dan lahiriah kepada nilai-nilai yang sama untuk dilaksanakan atau ditolak di dalam kegiatan-kegiatan dan usaha-usaha manusia menuju kesempurnaan dalam kehidupannya.

Masalah yang kita bicarakan ini tidak dapat dipisahkan daripada dasar dan sistem pelajaran yang diamalkan dalam masyarakat. Sistem dualism yang diamalkan sekarang iaitu sistem sekular dan agama tidak dapat melahirkan warganegara yang integrated. Ia akan melahirkan jenerasi yang akhirnya akan menerima pengertian yang salah dalam maksud perimbangan antara rohaniah dan jasmaniah dalam pembangunan bahkan seperti yang ternyata sekarang akan membawa kepada kegagalan di dalam mencapai tujuan pendidikan agama itu sendiri.

Dualism di dalam pendidikan ini juga akan terus membentuk warganegara yang mengamalkan double standard di dalam pemikiran dan tindakan yang akan membawa kepada kepincangan masyarakat jua sudahnya. Kerana itu perlu sistem pendidikan sekarang ini dirombak untuk mewujudkan sistem yang integrated di mana pelajaran mengenai kebudayaan dan juga teknologi dapat disebatkan. Yang saya maksudkan dengan kebudayaan ialah kebudayaan nasional yang saya telah huraikan tadi. Sistem pendidikan yang integrated ini mempunyai pengaruh yang besar di dalam membentuk jiwa dan pemikiran bagi mewujudkan bangsa Malaysia yang bersatu-padu. Kebudayaan barat dapat

merebak dengan luasnya ialah kerana adanya unsur-unsur integrated di dalam sistem pendidikannya. Ia dapat meluaskan faham materialisma dengan menyelitkan faham itu ke dalam buku-buku sains teknologi, kemasyarakatan, kesusteraan, sejarah dan sebagainya.

Saya telah menyebutkan contoh sebagaimana faham mulhid atau atheist itu disalurkan ke dalam pemikiran melalui buku yang mengupas mengenai atom.

Begitulah juga untuk membentuk generasi kita yang akan datang supaya berbangga dengan kebudayaan nasional dan mengekalkan nilai-nilai murni yang terdapat di dalam kebudayaan kita itu, ia perlulah disalurkan menerusi ilmu-ilmu yang dipelajarinya di sekolah-sekolah. Dengan cara ini usaha memperteguhkan kebudayaan nasional dalam kehidupan kita akan lebih berkesan lagi.

Selain daripada itu Kerajaan perlu mengkaji semula dasar pelajaran yang sering ditegaskan untuk melatih tenaga manusia bagi memenuhi keperluan pembangunan ekonomi semata-mata. Bahkan dalam Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong yang lalu, Baginda mengingatkan supaya jangan mudah terpengaruh dengan faham-faham asing yang merosakkan cara kehidupan kita. Maka inilah dia fahaman yang merosakkan itu. Justru yang dilihat sebagai satu-satunya perkara terpenting yang menjadi pemusatan seluruh jentera dan tanaga negara ialah untuk ekonomi, sehingga manusia itu sendiri hendak diberikan peranan sebagai alat semata-mata dalam proses pembinaan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai.

Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad: Jadi saya menolak perkara yang seumpama ini dan hanya sekianlah sahaja yang dapat saya sampaikan.

5.38 ptg.

Tuan Thomas Salang Siden (Julau): Tuan Yang di-Pertua, saya turut mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Di Raja. Saya ingin memulakan dengan ucapan terima kasih kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah bertitah kepada Dewan ini dan dalam ucapan Titah Di Raja telah menyebut pentingnya perpaduan di kalangan

rakyat yang berbilang kaum di negara kita di samping menyebut tindakan-tindakan lanjut yang akan dimainkan oleh Kerajaan kita untuk menyatakan kemajuan dan kestabilan di kalangan rakyat. Saya sebagai seorang warganegara berketurunan bumiputra menitikberatkan perpaduan kaum di kalangan antara kaum.

Sekarang ini kita telah dengar bahawa ancaman kepada perpaduan sedang giat memainkan issue-issue yang penting supaya mendapatkan kemajuan politik dan akhirnya memecah-belahkan rakyat kita. Issue yang dimainkan oleh pihak Pembangkang seperti masalah pelajaran tinggi di tanahair masalah pertanian, pekebun-pekebun kecil dan masalah tanah di negeri Sarawak adalah issue yang mungkin mengakibatkan salah faham di antara kaum yang berada. Negeri Sarawak sebelum pemimpin DAP masuk ke sana, setelah kebenaran diberi kepada beliau adalah satu kawasan yang tenang mempunyai politik yang stabil. Kini keadaan itu tidak serupa itu lagi dengan issue-issue yang dipermainkan oleh penduduk-penduduk telah terbagi dua, pihak bumiputra dan pihak bukan bumiputra. Masing-masing kaum telah mengenal diri mengikut nasib kehidupannya masing-masing

Tuan Yang di-Pertua, bumiputra di Sarawak belum lagi menikmati faedah Dasar Ekonomi Baru, dasar ini sendirinya sampai kini belum dikuatkuasakan dengan hebatnya di negeri itu. Bahawa bumiputra-bumiputra sedia maklum Dasar Ekonomi Baru ini adalah bertujuan bukan untuk merampas daripada satu untuk diberi kepada satu kaum bahkan untuk menyusun semula masyarakat supaya keadilan dinikmati oleh semua. Dasar ini telah mendapati Pembangkangan yang hebat. DAP sebagai parti yang multi-racial sepatutnya bila pergi ke Sarawak tidak hanya menyuarakan issue-issue yang penting kepada penduduk China sahaja bahkan juga issue-issue yang penting kepada penduduk bumiputra yang ramai di negeri itu. Tetapi sungguhpun parti itu mengagongkan dasar multi-racial bahkan ianya jauh berbeza daripada dasar pokok. Bumiputra di Sarawak memerlukan pelajaran yang baik untuk anak-anaknya di peringkat bawah dan juga memerlukan tempat di peringkat pelajaran tinggi. Mereka juga memerlukan kehidupan yang memuaskan dari segi makanan, pakaian dan rumah. Pendekata

mereka ini perlukan juga apa yang disuarakan oleh pemimpin DAP itu. Seseorang manusia mesti perlukan keadilan dan berbagai perkara bagi di muka bumi ini dan adalah menjadi tanggungjawab pemimpin-pemimpin mereka untuk menentukan bahawa keadilan adalah sentiasa dilakukan.

Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan bumiputra-bumiputra telah menduduki kawasan yang mundur dan jauh daripada bandar dan infrastruktur yang ada. Mereka ini bergantung sangat kepada tanaman mereka yang semakin tahun semakin kurang berjaya di atas tanah yang tidak lagi begitu subur mengikut cara tanaman yang lama. Masalah tanah yang begitu besar rupanya di negeri itu mengganggu dan akan mengganggu usaha tanaman secara moden. Begitu juga dasar pertanian sekarang telah tidak memberi kesan dan jika berlanjutan akan merugikan rakyat di negara kita semata-mata. Selalu disebut oleh pihak-pihak tertentu bahawa bumiputra-bumiputra mempunyai tanah yang luas dan subur tetapi sebenarnya bumiputra di situ mempunyai tanah hanya dari segi undang-undang tanah Sarawak sahaja bahkan hak miliknya, bumiputra hanya menduduki tanah tertentu dan tidak mempunyai hak sebagai tuan punya tanah yang sebenar.

Dasar pertanian yang ada telah memberi subsidi kepada pekebun-pekebun dan petani-petani kecil telah tidak memberi kesan kerana kuatkuasaan dasar yang begitu susah diawasi. Ini telah mengakibatkan, daripada rekod boleh dilihat, ada beribu-ribu ekar tanaman semula getah, lada dan lain-lain jika dibandingkan jumlah ekarnya itu maka boleh dikatakan seluruh Sarawak tidak berkurangan tanaman yang berbagai itu. Tetapi jika kita bandingkan angka itu dengan apa yang ada maka adalah jauh bezanya angka itu dengan yang sebenar ditanam oleh petani-petani dan pekebun kecil. Saya rasa sepanjang dasar yang semacam ini berkuatkuasa, penduduk bumiputra khasnya yang bergantung kepada tanaman akan berterusan begitu buruk, masa depan anak cucu mereka tidak cerah. Saya rasa gembira mendengar Dasar Pertanian Negara akan diadakan. Tetapi saya ingin mengesyorkan di sini bahawa dasar pertanian sepatutnya dikhaskan kepada negeri-negeri yang mempunyai tanah yang luas supaya dapat menambah pekerjaan kepada penduduk yang kian bertambah ini. Saya rasa sudah sampai masanya di mana negeri Sarawak

menukar dasar dan sikap petaninya dan juga Kerajaan memainkan peranan yang penting dalam usaha untuk menggunakan tenaga manusia yang besar di tanah yang luas supaya mengeluarkan hasil bagi faedah rakyat dan negara. Masanya sudah sampai di mana kita berhenti kepada dasar yang beransur-ansur yang berkuasakuasa sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sekiranya kita tidak bertindak demikian maka Dasar Ekonomi Baru tidak dapat berjalan. Dasar Ekonomi Baru tidak dapat berjalan kerana dasar ekonomi yang ada sekarang mementingkan perdagangan dan perusahaan yang memerlukan belanja yang besar bahkan tidak menggunakan tenaga manusia sepenuhnya. Menurut dasar yang ada sekarang kekayaan negara tidak dapat dibagikan kepada sebilangan besar yang boleh, bahkan orang yang kaya semakin kaya dan yang miskin semakin mundur kebelakang.

Ada juga didengar sekarang bila kita menyuarakan kehendak bumiputra bahawa si penyuar itu adalah seorang yang anti-ini dan anti-itu. Yang sebenarnya kita menyuarakan kehendak bumiputra kerana masalah mereka begitu mendesak dan juga kerana sebagai pemimpin bumiputra yang tidak begitu ramai mewakili kaum yang tidak ada orang yang mahir maka tanggungjawab kita pada setiap masa menyuarakan masalah-masalah itu sungguhpun perkara tersebut pernah juga disuarakan oleh seorang itu juga. Saya rasa jika seorang itu tidak mengeluarkan ucapan yang menentang atau berniat jahat kepada orang lain maka tuduhan bahawa ianya anti-ini dan anti-itu tidaklah tepat. Adalah tanggungjawab kami untuk menyuarakan kehendak dan masalah bumiputra-bumiputra supaya masalah itu berterusan. Di samping itu kami tidak berniat jahat kepada sesiapa pun kerana ianya tidak berniat jahat kepada kami. Di negara kita ini kita ada berbagai kaum dan keturunan, masalah yang ada sekarang akan berterusan, tetapi dengan adanya perhubungan baik di antara pemimpin-pemimpin seperti yang ada di dalam Barisan Nasional sekarang, maka kita dapat memandang jauh ke hadapan bahawa sungguhpun ada masalah bahkan masalah itu dapat beransur-ansur diselesaikan dari suasana dan fahaman yang mementingkan perhubungan yang baik di kalangan kaum pasti dikekalkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dikemukakan di Dewan ini.

5.50 ptg.

Tuan Ibrahim bin Muhammad (Rantau Panjang): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul menjunjung kasih di atas ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap Titah Ucapan Baginda di upacara pembukaan penggal pertama Parlimen Kelima ini. Dalam pada itu sukaiah saya mengemukakan beberapa perkara dan cadangan di Dewan yang mulia ini bagi menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat serta mendapat pertimbangan Yang Berhormat Menteri-menteri yang berkenaan bagi kepentingan bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai dadah yang mana semua orang sudah tahu dan sedar akan bahayanya, sukaiah saya menarik perhatian di Dewan yang mulia ini supaya Kerajaan membuat kajian mendalam mengenai punca pengaliran dadah ke dalam negara ini serta mengatur langkah yang berkesan agar Malaysia tidak digunakan sebagai pengkalan mengedar dadah antarabangsa. Saya percaya masalah dadah di negara kita ini telah semakin buruk dan memerlukan tindakan yang lebih tegas bagi menyelamatkan jenerasi muda kita, kita wajib membentasi punca kemasukan dadah dan membuat penyiasatan yang rapi terhadap sindiket pengedaran dadah yang bergerak di bawah tanah dengan licin. Saya yakin peniaga-peniaga dadah ini bukan sahaja dilakukan oleh pengkhianat-pengkhianat negara yang cuba hendak mengancam keselamatan negara dan melemahkan jenerasi masa depan negara tetapi juga penyiasatan yang rapi hendaklah dijalankan ke atas kakitangan Kerajaan sendiri yang menjalankan perniagaan tersebut. Kawasan-kawasan sempadan kita umpamanya sempadan Malaysia/Thailand perlu diketatkan lagi kawalan bagi mengesan pengaliran dadah ke negara ini. Demikian juga kawalan dan pemeriksaan di pintu keluar Malaysia untuk menjamin dan membentasi penyakit masyarakat ini. Orang ramai mesti memberi sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan pada setiap masa.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai Wakil Rakyat di kawasan sempadan sukaiah saya memohon dan berharap perkhidmatan keretapi ke kawasan saya Rantau Panjang disusun semula jadual perjalannya serta menambah koc-koc penumpang sesuai dengan

pelancaran kempen disiplin dan budibicara. Saya yakin perkhidmatan keretapi ke Rantau Panjang boleh diperbaiki dengan kerjasama orang ramai dan pihak Keretapi Tanah Melayu tidak seharusnya mengalami kerugian perkhidmatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa negeri Kelantan boleh dikatakan telah ketinggalan begitu lama di dalam bidang pembangunan. Bagaimanapun usaha mempercepatkan kemajuan di dalam berbagai-bagai bidang sedang ditingkatkan oleh Kerajaan baru kita dan di sini perhatian khas haruslah diberi oleh Kerajaan Pusat bukan sahaja dengan menambahkan sumber kewangan tetapi juga memerlukan pegawai-pegawai Kerajaan Pusat yang mahir dan terlatih. Ini adalah perlu bagi mempercepatkan pelaksanaan projek-projek pembangunan di Kelantan supaya siap pada masa yang ditentukan. Rakyat-rakyat di negeri Kelantan nampaknya tidak sabar lagi menunggu rancangan-rancangan pembangunan lebih-lebih lagi di dalam projek-projek pembukaan tanah. Saya suka menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa satu daripada projek yang menjadi tandatanya ialah berkenaan dengan hospital jajahan Pasir Mas yang nampaknya agak kelambatan. Saya sukalah menarik perhatian pihak berkenaan supaya dapat mempercepatkan pelaksanaan hospital tersebut selaras dengan keperluan kesihatan di jajahan Pasir Mas. Demikian juga dengan perkhidmatan bomba seperti yang Kerajaan hendak mengadakan di Rantau Panjang perlulah disegerakan memandangkan sering berlaku kebakaran besar yang melibatkan kerugian yang besar di kawasan itu. Pada masa-masa yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, pihak berkuasa dan anggota Bomba di Sungai Golok, Selatan Thai telah datang membantu memadamkan api kebakaran yang berlaku di Rantau Panjang. Walaupun ini adalah kerjasama yang rapat tetapi perkhidmatan Bomba yang lengkap hendaklah diadakan segera di kawasan itu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya suka mencadangkan supaya Kerajaan kita mempercepatkan pembukaan tanah di sempadan Malaysia-Thai. Pembukaan tanah seperti ini akan dapat menambah hasil keluaran negara tetapi apa yang penting ialah untuk mencegah anasir-anasir jahat komunis daripada bersarang di kawasan tersebut. Saya percaya pembukaan tanah seperti ini samada

melalui pembukaan tanah FELDA ataupun FELCRA akan dapat memberi peluang kepada rakyat yang tidak bertanah ataupun dengan mewujudkan kampung-kampung baru di sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thai.

6.01 ptg.

Tuan Awang bin Jabar (Dungun): Tuan Yang di-Pertua, bagi menyokong usul untuk merafakkan setinggi-tinggi junjung kasih Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong di atas Titah Ucapan Baginda yang telah dilafazkan sempena pembukaan Dewan yang mulia ini beberapa hari yang lalu, saya juga akan turut memberi pendapat di dalam Dewan yang mulia ini seperti kawan-kawan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik hati dengan matan lafaz Titah Ucapan Seri Paduka Baginda itu yang antara lain telah mencerminkan keyakinan Baginda bahawa dengan berpegang teguh kepada ajaran agama dan berpandukan kepada prinsip-prinsip Rukunegara ancaman penganas komunis dan anasir-anasir anti-nasional dapat dihapuskan. Matan lafaz ini, Tuan Yang di-Pertua, tidak syak dan waham lagilah kepada saya mencerminkan keyakinan Baginda kepada Perlembagaan negara kita Fasal 3 (1) selain dari ianya merupakan satu restu dan doa serta harapan Baginda untuk mewujudkan keamanan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sejak negara kita mencapai kemerdekaan hingga kini banyak sudah usaha yang telah Kerajaan curahkan bagi memperlihatkan Malaysia sebagai sebuah negara yang telah dinobatkan Islam sebagai agama rasmi, dan usaha-usaha yang sudah dicurahkan itu, bolehlah saya bahagikan kepada dua bahagian: Pertama, usaha-usaha untuk memperkenalkan Malaysia kepada negara-negara Islam lain di dunia ini. Umpamanya Musabaqah Membaca Al-Quran peringkat antarabangsa adalah merupakan satu-satu usaha yang gigih ke arah itu, kerana walaupun semacam kebimbangan telah timbul di banyak kalangan yang Musabaqah ini akan menjadi satu tradisi kepada jenerasi-jenerasi yang akan datang dan pada anggapan mereka apabila tiba musimnya nanti tradisi ini akan dilakukan berulang-ulang, namun begitu, dari sudut ianya dapat merapatkan hubungan negara ini

dengan negara-negara Islam yang lain tidaklah dapat dinafikan, khususnya semasa dua tiga tahun yang ke belakang ini di mana Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi Pengerusi Musabaqah itu.

Tuan Yang di-Pertua, ekoran dari itu maka menyusullah jalinan hubungan kebudayaan, ekonomi dan perdagangan dari negara kita ke negara-negara Islam di Asia Barat. Sekali imbas, misi kebudayaan dan rombongan dagang yang telah diberi tugas sebagai jejambat yang menghubungkan Malaysia dengan negara-negara Islam di Asia Barat itu sudah sangat berjaya tetapi dari prospektif di negara Islam, rombongan dan misi yang dihantar itu yang kadangkadangkang tidak dapat mencerminkan berperibadian Islam sudah dipertikaikan oleh banyak pihak terutamanya oleh golongan yang sentiasa mencari peluang untuk menjatuhkan maruah Kerajaan Barisan Nasional di luar negeri.

Jadi bagi menjaga nama baik dan maruah Kerajaan Barisan Nasional yang berjiwa rakyat, saya merayu di dalam Dewan yang mulia ini kepada pihak Kerajaan, kepada pihak yang bertanggungjawab samada secara langsung atau tidak agar dapat menyusun dan mengatur rombongan dan misi dagang di masa-masa yang akan datang terdiri daripada pegawai-pegawai yang boleh meyakinkan banyak negara Islam.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita dalam senarai negara-negara Islam yang lain sudah boleh dikatakan sebuah negara yang boleh diletakkan harapan dalam usaha-usaha hendak menyelesaikan masalah-masalah umat Islam kini. Ini sudah terbukti dengan berlangsungnya beberapa persidangan peringkat antarabangsa—persidangan Islam maksud saya di Kuala Lumpur. Dari segi hendak mengatasi dan menyelesaikan masalah negara Islam secara keseluruhan Malaysia agak tidak berupaya. Tetapi Malaysia, Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya sangat berwibawa untuk menyelesaikan masalah-masalah orang-orang Islam di peringkat regional, maksud saya negara-negara di Asia Timur.

Sebenarnya di negara-negara di Asia Timur ini umat-umat Islam menghadapi banyak masalah. Selain dari umat Islam di dalam negara kita sendiri menghadapi survival ummahnya, terdengar juga cerita dan berita

saudara-saudara Islam di Filipina, di Selatan Thai, di Burma, di Bangladesh perlu diberi perhatian. Oleh memikirkan yang Kerajaan Malaysia yang menjadikan Islam agama rasmi negara adalah sudah dianggap berwibawa dalam banyak hal, maka dalam Dewan yang mulia ini juga, saya mengesyorkan supaya Kerajaan Malaysia mengambil inisiatif untuk menubuhkan sebuah Islamic Centre bagi negara-negara di Asia Timur ini. Memperkuatkan syor saya ini, saya berpendapat bahawa Islamic Centre ini selain dari menjadi badan untuk mengatasi masalah ekonomi dan lain-lain yang dihadapi oleh orang-orang Islam di Asia Timur ini, ianya juga akan dapat memperkuatkan lagi hubungan pakatan negara-negara ASEAN yang sudah sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, usaha yang kedua ialah usaha-usaha ke arah memperbaiki kualiti individu dan masyarakat Islam di negara ini dalam bidang akidah dan muamalah sebagai denai ke arah perlaksanaan hukum-hukum Islam di negara ini secara total. Kepujian haruslah diberi kepada Kerajaan yang sudah berjaya menubuhkan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam sebagai langkah awal ke arah itu, tetapi, di dalam ketinggian harap umat Islam yang mahu melihatkan kegiatan Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Ugama Islam untuk menyelaraskan hukum-hukum Islam di seluruh negara itu timbul pula semacam kegagalan dan ketidakupayaan Majlis itu sendiri di dalam melaksanakan banyak programnya samada di dalam sedar atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, hal-hal seperti kegagalan menyelaraskan pentadbiran Jabatan-jabatan Ugama di seluruh negara; ketidakberesnya urusan sembahyang Jumaat beribu-ribu pekerja kilang dan pelajar sekolah yang beragama Islam; adanya masuk daging-daging yang syubhah di dalam masyarakat Islam di negara kita ini bolehlah dijadikan contoh ataupun sebagai misalan.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada sebab musabab kegagalan Majlis di dalam melaksanakan inspirasi umat Islam di dalam negara ini terdapat banyak sebab-sebab yang agak prinsipal. Misalnya dalam hal pertama. Hingga kini Majlis tidak dapat melaksanakan pentadbiran seluruh Jabatan Ugama kerana mengikut Fasal 3 (2) Perlembagaan negara kita, kuasa-kuasa ugama di setiap negeri yang beraja adalah di tangan Raja itu sendiri.

Bagi mengatasi masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan supaya Kerajaan dapat memohon limpah perkenan Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja agar sejuzu' kuasa ugama yang ada di tangan Baginda-baginda itu diturunkan kepada Majlis atau mana-mana badan penyelarasan peringkat kebangsaan yang akan dilantik oleh Kerajaan dengan tidak menggugat sedikit pun kuasa Baginda sebagai Ketua-ketua Ugama di negeri masing-masing. Dan ini pada hemat saya merupakan jalan tengah untuk memenuhi hasrat umat Islam di negeri ini yang hendak melihat Fasal 3 Perlembagaan ujud di dalam erti-kata yang sebenarnya.

Dalam menyelesaikan masalah pekerja-pekerja kilang dan murid-murid sekolah yang tidak berpeluang menunaikan fardu Jumaat ini pula, saya nampak berlaku hanyalah kepada kebanyakan negeri yang menjadikan hari minggu hari Ahad. Dan sudah sampailah masanya, Kerajaan mengisytiharkan hari Jumaat sebagai hari minggu di seluruh negara sebagai jalan penyelesaian yang paling simple.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengharapkan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian membuat pengawasan yang serapi-rapi supaya daging-daging syubahah yang dikatakan itu diimpor dari luar negeri tidak dijual kepada orang Islam bagi mengelak umat Islam dari memakan daging yang tidak disembelih mengikut peraturan hukum Islam.

Tuan Yang di-Pertua, beroleh kepada pembangunan dalam Rancangan Malaysia Ketiga yang telah juga dilafazkan oleh Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya, saya mengkhususkan di negeri Trengganu di mana saya mewakili sebahagian daripada kawasan negeri itu.

Tuan Yang di-Pertua, menurut peruntukan yang diberi oleh Kerajaan bagi menjalankan projek-projek dalam Rancangan Malaysia Ketiga ini khususnya projek pembangunan, ada \$280 juta. Saya dan rakyat-rakyat Trengganu pada mulanya terlonjak-lonjak kegembiraan, kerana Trengganu yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat dari Sungai Petani di dalam ucapannya pada 12-10-78 yang lalu dalam senarai di antara negeri-negeri yang mundur di Semenanjung ini. Dan negeri yang mundur ini telah diperuntukkan dengan peruntukan yang begitu banyak dan

kalau projek-projek yang dirancangkan dilaksanakan mengikut jadualnya, negeri Trengganu yang terkebelakang itu akan bertukar wajah dalam sekelip mata jua, Tuan Yang di-Pertua.

Tetapi, memandangkan tenaga expertise yang akan melaksanakan segala projek itu sangat kurang maka semacam kesangsian telah mula terbayang. Kebimbangan telah tiba takut kalau apa yang direncanakan itu tidak terlaksana. Kebus kebimbangan itu demikian kuat, bila mengingatkan janji Ibu Pejabat J.K.R. Semenanjung Malaysia ataupun Kerajaan yang mahu menghantar semua kakitangan teknik untuk melaksanakan projek-projek Persekutuan di negeri Trengganu yang hingga kini baru dapat menghantar hanya 25% sahaja terdiri daripada:

- 13 orang Jurutera
- 14 Pembantu Teknik
- 39 Juruteknik
- 25 Juruteknik Rendah.

Sudahlah bilangan yang dihantar itu amat kekurangan, Tuan Yang di-Pertua.

Satu hal lain timbul pula iaitu pegawai-pegawai yang dihantar ke Trengganu itu biasanya fresh dari Universiti atau Kolej-kolej yang belum banyak pengalaman ataupun boleh dikatakan tidak ada pengalaman bekerja. Beberapa lama setelah pengalamannya ada, maka pegawai-pegawai ini dipindahkan ke Headquarters ataupun negeri-negeri lain dengan alasan kenaikan pangkat dan lain-lain.

Tuan Yang di-Pertua, walau apapun alasan yang diberi, tetapi satu hakikat yang ujud ialah Trengganu menjadi semacam satu training ground semata-mata. Jadi bagi mengatasi hal ini, saya merayu lagi kepada Kerajaan agar dapat menunaikan janjinya hendak menghantar semua kakitangan teknik untuk melaksanakan projek-projek Persekutuan di Trengganu sebelum tiba akibatnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyebut "akibat" ini bukanlah dengan tujuan mengugut. Tetapi bagi menampakkan sejelajelasnya kesan kealpaan ini di dalam bidang pelajaran dan kesihatan. Di dalam bidang pelajaran sahaja, banyak lagi bangunan sekolah, bilik darjah, makmal sains dan sebagainya yang telah dirancangkan dalam Rancangan Malaysia Kedua sehingga kini belum siap. Dan ini akan menjejaskan pula

kedudukan pelajaran anak-anak kita. Samalah halnya dengan projek kesihatan. Sudahlah bilangan doktor yang dihantar kurang iaitu 51 orang sahaja di Trengganu sekarang ini daripada 99 jawatan yang diperuntukkan. Kelambatan perlaksanaan bangunan juga timbul dan dialami sebagaimana kelambatan melaksanakan bangunan-bangunan sekolah tadi.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Kesihatan ini pula, saya juga mengesyorkan agar pihak berkenaan samada Kementerian Kesihatan ataupun Hospital ataupun Fakulti Perubatan untuk mengadakan kursus-kursus akhlak kepada doktor-doktor muda yang akan bertugas. Saya merasakan kursus seperti ini penting, kerana ada insiden-insiden yang tidak seharusnya berlaku-laku.

Tuan Yang di-Pertua, saya bawa satu cerita. Dua bulan yang lalu satu kemalangan jalanraya berlaku dan salah seorang daripada orang dalam kawasan saya mati dalam kemalangan itu. Jam 11.00 malam keluarga simati ini telah datang mengejutkan saya sebagai wakil rakyatnya untuk meminta pertolongan. Saya tergesa-gesa ke hospital dan melihat mayatnya membujur di hospital dan lalu saya dengan seorang Wakil Rakyat Negeri pergi menemui doktor, untuk meminta jasa baiknya agar dapat dijalankan post-mortem pada malam itu juga.

Saya tidak mengharapkan sangat dia membuat post-mortem pada malam itu, cuma saya pergi dengan semata-mata hendak menenangkan keadaan keluarga, kerana saya faham peraturan-peraturan di hospital itu kadangkala tidak boleh post-mortem pada waktu malam. Tetapi apa yang saya terasa sedikit, Tuan Yang di-Pertua, ialah jawapan daripada doktor itu. Katanya—saya quote seperti yang saya masih ingat, terngiang-ngiang di telinga saya, Tuan Yang di-Pertua, “kalau awak hendak cepat, awak buat sendiri”.

Jadi kalau saya hendak ambil kira walaupun dua tiga kalimat sahaja yang dikeluarkan, perkara itu boleh jadi besar. Tetapi saya pendamkan sahaja di dalam hati saya sendiri, semalam-malam itu, tidak ceritakan kepada isteri, tidak ceritakan kepada keluarga, takut perkara itu pecah. Dan pada hari inilah saya pecahkan di sini, kerana saya memandang begini, Tuan Yang di-Pertua, sepatutnya

perkataan-perkataan semacam itu tidak seharusnya keluar daripada seorang doktor, kerana dia seorang berijazah, dia seorang berpelajaran dan sebagainya yang kita harap mereka itu melayan perasaan, bukan sahaja melayan orang-orang sakit, tetapi juga melayan perasaan keluarga simati itu.

Saya membuka cerita ini bukanlah dengan tujuan untuk menampakkan perasaan prejudice saya terhadap golongan para doktor yang saya sendiri meletakkan profesionnya dalam kategori pertama. Tetapi adalah dengan tujuan untuk menambahkan lagi efficiency para doktor yang secara automatik pula akan menampakkan efficiency Kerajaan berjiwa rakyat dalam memberi perkhidmatan kepada negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang menjadi masalah juga di Trengganu sekarang ialah masalah pendaratan pelarian Vietnam di perairan Pantai Trengganu. Sehingga hari kelmarin saya berada di Trengganu, pelarian itu tidak kurang daripada 13,000 orang ditempatkan di Pulau Besar dan Pulau Bidong. Sebenarnya ada usaha-usaha untuk menghalau pelarian ini semasa mereka hendak mendarat, tetapi makin sehari bilangannya makin besar. Pendaratan demi pendaratan tiba, bot demi bot datang dan mendarat di pantai dan semacam kelaziman pula bila sahaja mereka sampai, bot mereka dirosakkan, dipecahkan dan mereka terus naik belegar-legar di pantai yang begitu landai dan permai. Bukan tidak ada rondaan dibuat oleh T.L.D.M., Polis dan sebagainya untuk mengawal perairan di laut Trengganu, tetapi semacam keanihan pula timbul kerana selepas sahaja bot-bot pelarian ini dihalau oleh merin-merin Polis, bot pelarian itu mendarat pula di pantai yang jaraknya tidak jauh dari tempat mereka dihalau tadi, sekali imbas kepada rakyat perkara ini menampakkan banyak kemungkinan, dan bagi saya amat berat untuk membuat pertimbangan yang biasa kepada kemungkinan-kemungkinan itu. Tetapi apa yang saya sebutkan itu adalah merupakan hipotesa yang wujud yang menjadi semacam desas-desus di kalangan rakyat Trengganu sekarang, yang kalau dibiarkan

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah sampai Yang Berhormat, tamatkanlah ayat itu.

Tuan Awang bin Jabar: . . . kalau dibiarkan perkara ini akan meleret-leret dan akan menjejaskan kedudukan Kerajaan khususnya di Trengganu.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dilafaskan oleh wakil kita yang membawa usul ini tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Kangar.

6.23 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih dan juga turut menyokong cadangan yang telah dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau di atas ucapan menjunjung kasih Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong pada 9hb Oktober, 1978 yang lepas.

Tuan Yang di-Pertua, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Titah Ucapannya telah memulakan dengan ucapan tahniah kepada kita semua sebagai Wakil-wakil Rakyat yang dipilih oleh rakyat pada 8hb Julai, 1978 yang lepas tidak mengira parti, wa'ima samada ia daripada Barisan Nasional (UMNO, MCA, MIC, GERAKAN) dan sebagainya, juga Parti Pembangkang samada DAP dan PAS. Ini adalah satu bukti Titah yang sejati kerana sebagaimana kita tahu kita yang berada di dalam Dewan yang mulia ini yang dipilih oleh rakyat dengan tidak dipaksa oleh mana-mana pihak. Maka dengan ini jelaslah kepada kita semua bahawa Kerajaan hari ini ialah satu Kerajaan yang penuh demokrasi dan adil, memberi kuasa penuh kepada rakyat dengan tidak digugut dan digugat, dengan cara tulin boleh memilih siapa sahaja yang hendak diundi. Jadi bererti di sini pemilihan Wakil Rakyat sebagaimana saya katakan tadi ialah dipilih dengan kehendak rakyat bukanlah dipaksa oleh satu-satu parti ataupun oleh satu-satu golongan.

Saya amat dukacita, Tuan Yang di-Pertua, sesudahnya pilihanraya berlalu masih ada suara-suara sumbang seolah-olah tidak puas hati kepada pilihanraya yang dijalankan pada 8hb Julai, 1978 yang lepas. Saya merasa hairan kalau mereka tidak puas hati mengapa khasnya Parti Pembangkang ada di

sini terutamanya Parti DAP? Kalau di katakan di dalam pilihanraya itu ada perkara-perkara yang mereka tidak puas hati tentulah dituduh pihak Kerajaan zalim dan kejam, tetapi malangnya pihak Pembangkang tidak ada dalam Dewan pada masa ini. Sebagai Parti Barisan Nasional kita bukan pemerintah pak turut, semua hendak mengikut pemerintah. Kalau boleh kita yang berada di sini cukuplah dan kita tidak hendak Parti Pembangkang, tetapi ini adalah negara demokrasi, kehendak cara tulin dengan tidak dipaksa begitu juga Parti Pembangkang ada sebagaimana yang kita ada.

Sebagai kenyataan Malaysia hari ini telah nyata kepada siapa yang mahu berfikir, rakyat Malaysia yang berhak mengundi dan yang berdaftar boleh mengundi, sedikit ataupun banyak Barisan Nasional telah nyata menjadi parti yang memerintah pada hari ini bukan dengan kadar majoriti yang sedikit bahkan majoriti yang banyak. Saya berharaplah kepada Parti-parti Pembangkang khasnya D.A.P. juga parti-parti lain kenalah akui kebenaran ini. Janganlah di masa memakan buah yang sedap dikatakan manis, masa mengait tidak sampai dikatakan tidak sedap pula buah itu, hendaklah kita akui kebenaran ini, inilah harapan saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyetujui apa yang diucapkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Kita telah matang dan 21 tahun telah mencapai kemerdekaan. Kalau pilihanraya kali pertama tahun 1955 boleh jadi kerana kesan peninggalan penjajah ada di antara pengundi-pengundi yang kita percaya 90% terdiri daripada buta huruf, tetapi sesudah 21 tahun merdeka dan sesudah enam kali pilihanraya, keadaan itu terbalik. Saya yakin 90% pula yang mengundi itu ialah orang yang celik, orang yang cerdik bahkan orang yang berkelulusan, ini hendaklah diakui oleh Parti Pembangkang. Itulah yang saya harapkan sangat-sangat, jangan segala-galanya mereka hendak tuduh.

Sebelum saya bawa perkara lain, sukaiah saya hendak nasihat ahli-hli Parti Pembangkang yang saya rasa lebih cerdik daripada saya. Tetapi saya faham kita mempunyai sifat yang sederhana, kalau terlampau deras kita bermain akhirnya padahnya tidak baik misalnya bermain bola. Kalau deras kita tendang bola, kalau kena pada

sasarannya tentulah bola itu masuk gol, tetapi kalau tidak kena sasaran bola pergi ke lain, kaki kita ke lain dan mungkin kita jatuh terduduk oleh kerana bola datang terlampau deras. Kalau terkena sasaran misalnya dinding sebagainya bola itu akan melanting balik dan mungkin kita akan jatuh. Jadi saya bersetuju dengan pendapat yang dibawa oleh Ahli Yang Berhormat dari Sepang tadi tentang sebab yang menjadikan Dewan ini terlampau riuh dan terlampau gamat dengan tuduh-menuduh benda itu berlaku kerana deras mulut maka deraslah balik kenanya ke muka. Walhal negara kita juga sebagai negara yang demokrasi kalaulah mereka membangkang dengan cara baik kita terima kerana manusia yang sejati itu walaupun apa bangsa, apa ugama sekalipun, apatah lagi kita yang hidup secara Islam ini disuruh berbaik-baik memberi pendapat mengenai perkara-perkara yang kita fikir tidak patut. Jangan jadi macam setengah orang itu terlalu kurang sopan seperti saya perhatikan dalam masa Soal-Jawab. Walaupun dikatakan perkara itu tidak baik, tetapi perkara ini semua sudah ditentukan oleh Tuhan dan bukan semuanya elok. Saya tidak mahu menuduh—tidak boleh kerana Tuhan telah menjadikan begitu kadang-kadang dibangkitkan perkara yang bukan-bukan. Kita akui kalau macam Pembangkang, saya beri contoh misalnya seorang yang biasa saya dengar dalam Dewan ini dan kawan-kawan saya selalu berkata: Kalau boleh kita tidak mahu Pembangkang, tetapi apa boleh buat kerana ini adalah negara demokrasi. Tetapi jika Pembangkang seperti Ahli Yang Berhormat wakil dari Kuala Lumpur Bandar kita berasa seronok mendengar, dia bercakap secara sopan. Tetapi ada setengahnya kadang-kadang, Tuan Yang di-Pertua pun tidak dihiraukan, dan kadang-kadang Perdana Menteri pun tidak dihiraukan. Walhal Perdana Menteri tetap Perdana Menteri seperti kata pepatah:

Ular yang bisa walaupun menyusur akar tidak akan hilang bisanya. Kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri saya ucapkan tahniah dan syabas.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap mengenai pembangunan pula. Pembangunan negara kita agak pesat, tetapi walau macamanapun. Ini sudah adat manusia termasuk Tuan Yang di-Pertua sendiri dan boleh jadi saya sendiri tidak akan cukup segala-galanya, kalau cukup takkan orang yang millionaire dia berhenti berniaga, bahkan lagi banyak mata pencarian, banyak mendapat wang kadang-kadang lebih banyak ia bekerja, ini sudah menjadi adat manusia, begitu juga Kerajaan. Tetapi banyak rancangan kita yang terbengkalai disebabkan, pada pendapat saya, pegawai dan kakitangan tidak cukup. Kadang-kadang diberi peruntukan sesuatu negeri wang sekian ratus ribu tetapi pada 15 atau 16hb Disember terpaksa dihantar balik ke Kuala Lumpur kerana tidak dapat dilaksanakan. Hendak melaksanakan wang Kerajaan bukan perkara mudah, kalau hendak dibelanjakan mesti ada pegawai saksikan, kalau tidak ada pegawai yang menyaksi wang tidak boleh dikeluarkan. Jika dikeluarkan dengan tidak disaksikan oleh pegawai, rasuah pula. Jadi, itu salah dan inipun salah. Pegawai tidak cukup akan melambatkan projek, jadi saya berharap sesudah Kerajaan sanggup mengeluarkan wang begitu banyak hendaklah ditugaskan lebih ramai pegawai. Kalau kita mempunyai pegawai yang ramai kita dapat membuat projek yang banyak dan kita juga sanggup menambahkan kakitangan-kakitangan dan juga kita beri gaji yang lumayan. Dan kepada pegawai-pegawai yang tidak bertanggungjawab patutlah kita ambil tindakan mengikut undang-undang. Saya percaya Kerajaan kita hari inipun sudah mengambil tindakan undang-undang

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, saya menunggu noktah, tetapi ada ada noktah, ada “dan” sahaja (*Ketawa*). Boleh sambung besok.

Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 17hb Oktober, 1978.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.